



# MUZAKARAH

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

KEPIMPINAN DAN KEKHALIFAHAN, GAGASAN KONSTUKTIF ULAMA DAN UMARA

KERTAS KERJA

DAULAH UTHMANIAYYAH DAN  
PENGARUHNYA KE ATAS MASYARAKAT MELAYU

DISEDIAKAN OLEH :  
PROF. DATO' DR. MOHAMMAD REDZUAN OTHMAN

TARIKH:  
25,26 dan 27 FEBRUARI 2018  
(AHAD-SELASA)

TEMPAT:  
AMANJAYA CONVENTION CENTER  
CASUARINA@MERU,BANDAR  
MERU RAYA, IPOH

PENGANJUR:  
KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

## Daulah Uthmaniyah dan Pengaruhnya Ke atas Masyarakat Melayu

### Pengenalan

Masyarakat Melayu mempunyai persepsi yang menunjukkan kecenderungan dan memandang tinggi kepada daulah Turki Uthmaniyah. Persepsi dan kecenderungan tersebut banyak tercatat dan dapat dikesan dalam karya-karya sastera Melayu tradisional. Ini dilihat menerusi usaha mengaitkan salasilah kesultanan Melayu dengan daulah Turki Uthmanyiah, iaitu sebuah kerajaan Islam yang dianggap kuasa besar dunia Islam pada ketika itu. Perkaitan ini mempunyai hubungan dalam usaha meletakkan kedudukan kesultanan Melayu sama agung dengan empayar Islam yang pernah menguasai tiga benua; Eropah Timur, Afrika Utara dan Asia Barat.

Minat yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu terhadap Daulah Uthmaniyah turut mendorong mereka menunjukkan prihatin terhadap perkembangan yang berlaku dalam daulah tersebut, terutamanya dari abad akhir ke-19 sehingga awal abad ke-20M, selain menaruh pengharapan kepada kerajaan Islam ini membantu mereka dalam menghadapi ancaman penjajahan Barat. Melalui perhubungan yang terbatas yang berlaku, masyarakat Melayu pernah menaruh harapan yang tinggi agar Daulah Uthmaniyah dapat merubah perjalanan sejarah negara mereka berikutan ancaman penjajahan Barat ini. Walaupun hubungan di antara masyarakat Melayu dan Daulah Uthmaniyah tidak membawa kepada perubahan besar kepada perjalanan sejarah rantau ini, namun, bagi masyarakat Melayu orang Turki dan Daulah Uthmaniyah akan terus tercatat dalam sejarah mereka sebagai penyumbang kepada satu episod yang pernah memberi warna dalam perkembangan sejarah mereka.

## Persepsi Terhadap Turki Uthmaniyah Dalam Karya Sastera Melayu Tradisional

Karya sastera Melayu tradisional seperti *sejarah*, *hikayat* dan *salasilah* kebiasaannya mengandungi maklumat dan penceritaan yang berkaitan dengan masa lalu dalam masyarakat Melayu.<sup>1</sup> Masyarakat Melayu mempunyai kecenderungan terhadap Turki Uthmaniyah yang dapat dilihat dalam hasil karya sastera tradisional mereka.<sup>2</sup> Di samping itu, pengarang yang menulis mengenai daulah Turki Uthmaniyah adalah mewakili persepsi dunia Melayu, walaupun dari segi realitinya faktor geografi dan budaya adalah berbeza.

Karya sastera Melayu tradisional juga menunjukkan kecenderungan terhadap Timur Tengah dan Asia Tengah, terutamanya merujuk kepada kerajaan Rum dan daulah Turki Uthmaniyah.<sup>3</sup> Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan Hindia Timur Belanda menganggap ‘Raja Rum’ sebagai seorang raja yang agung dan kuat. Sejak abad ke-16, gelaran ini diberikan secara khusus kepada Sultan Turki Uthmaniyah selaku kerajaan Islam yang besar ketika itu dan peranan mereka sebagai pendukung khilafah Islam.<sup>4</sup> Sebelum gelaran tersebut dirujuk kepada Turki Uthmaniyah, ‘Raja Rum’ merupakan gelaran kepada kerajaan Byzantium

<sup>1</sup>Anthony H. Johns, “The Turning Image : Myth and Reality in Malay Perceptions of the Past”, dalam Anthony Reid & David Marr (eds), *Perceptions of the Past in Southeast Asia*, (Singapore : Heinemann Educational Books, 1982), hlm. 43.

<sup>2</sup>Antara karya sastera Melayu tradisional yang dirujuk dalam kajian ini untuk mengkaji persepsi dan hubungan di antara masyarakat Melayu dan daulah Turki Uthmaniyah ialah *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Perang Setambul*, *Hikayat Peperangan al-Maulana Sultan Istanbul dan Yang Bernama Abdul Hamid Khan Ibni Almarhum Al-Maulana Abdul Majid Khan Ghazi Dengan Raja Rushin Yang Bernama Francis Alexander*, *Hikayat Hang Tuah* dan *Syair Sultan Abu Bakar*.

<sup>3</sup>Anthony C. Milner, “Afterword : A History of Malay Ethnicity”, dalam Timothy P. Barnard (sunt.) *Contesting Malayness Malay Identity Across Boundaries*, (Singapore : National University Press, 2004), hlm. 250.

<sup>4</sup>Sultan Salim I (1470-1520M), berjaya meluaskan penguasaan Turki Uthmaniyah sehingga ke Semenanjung Tanah Arab dan memasuki bandar Kaherah, Mesir. Berikutnya itu, baginda dipanggil dengan gelaran sultan dan *Khadim al-Haramayn*. Khalifah daulah Abbasiyyah ketika ialah Khalifah al-Mutawakkil yang menyerahkan kekuasaan khalifah kepada Sultan Salim I. Gelaran tersebut diwarisi oleh sultan-sultan Turki Uthmaniyah yang terkemudian. Lihat Jacob M. Landau, *The Politics of Pan-Islam*, (Oxford : Clarendon Press, 1990), hlm. 11. Terdapat beberapa tulisan yang membincangkan isu ini seperti L. Saunders, “The Sultan and The Caliphate” *The North American Review*, vol. 176, 1906, hlm. 546-553, Thomas W. Arnold, *The Caliphate* (London : Routledge and Kegan Paul Ltd, 1965), hlm. 208-209 dan Jacob M. Landau, *The Politics of Pan-Islam*, (Oxford : Clarendon Press, 1990), hlm. 11.

## MUZAKARAH 2018

dalam kesusasteraan Parsi dan Turki.<sup>5</sup> Kebanyakan karya sastera Melayu memberikan gambaran Raja Rum sebagai pemerintah yang agung di sebelah Barat, manakala Raja China pula di sebelah Timur.<sup>6</sup> Kecenderungan menganggap sultan Turki Uthmaniyah sebagai sultan yang agung ini seterusnya dikaitkan dengan salasilah kesultanan Melayu.

Tome Pires mencatatkan bahawa Rum dan Turki adalah dua bangsa yang berbeza. Sejak penaklukan Constantinople, orang Arab dan orang di Timur, iaitu penduduk India dan juga pelabuhan-pelabuhan di Utara Sumatra merujuk istilah Rum kepada Turki Uthmaniyah.<sup>7</sup> Karya sastera Melayu tradisional juga menghubungkan salasilah keturunan pemerintah di Semenanjung Tanah Melayu dengan daulah Turki Uthmaniyah. *Hikayat Merong Mahawangsa* menyatakan bahawa salasilah raja-raja negeri Kedah ialah berasal daripada seorang pembesar kerajaan Rum.<sup>8</sup> Pembesar tersebut bernama Merong Mahawangsa.<sup>9</sup>

<sup>5</sup>Lihat Anthony Reid, “Sixteenth Century Turkish Influence in Western Indonesia”, *Journal of Southeast Asian History*, vol. 10, no. 3, 1969, hlm. 395, *An Indonesian Frontier Acehnese and other Histories of Sumatra*, (Singapura : Singapore University Press, 2005), hlm. 69 dan Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad ke-17 dan 18*. (Bandung : Pustaka Mizan. 1994), hlm. 47.

<sup>6</sup>Anthony Reid, “Sixteenth Century Turkish Influence”, hlm. 395.

<sup>7</sup>Lihat Tome Pires, *The Suma Oriental*, terj. Armando Corteso, (Nendeln : Kraus Reprint Limited, 1967), hlm. 22 dan 142.

<sup>8</sup>Siti Hawa Salleh (sunt.), *Hikayat Merong Mahawangsa*, (Kuala Lumpur : Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya, 1998), hlm. 34 dan Anthony C. Milner, *The Malays*, (West Sussex : Wiley-Blackwell, 2008), hlm. 55. Kerajaan Rum di sini adalah merujuk kepada wilayah empayar Parsi, iaitu ‘Rome Orient’ yang sudah menerima Islam sejak zaman pemerintahan Khulafa’ al-Rashidin. Bagi orang Arab, ‘Rum’ adalah kerajaan Byzantium di Utara Parsi. Di kawasan inilah orang Parsi dan Turki mendirikan kerajaan Islam yang kuat. Lihat Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, (Jitra : Universiti Utara Malaysia, 1987), hlm. 9. Manakala sejak abad yang ke-16, gelaran ‘Raja Rum’ adalah merujuk kepada Sultan Turki Uthmaniyah. Dalam *Bustan al-Salatin*, tulisan Nuruddin al-Raniri mencatatkan hubungan di antara Aceh dengan Turki Uthmaniyah bermula semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah al-Kahhar (1537-1571) yang menghantar utusan ke Istanbul. Lihat Nuruddin al-Raniri, “Bustan al-Salatin”, Manuskrip 41, Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 282-283. dan T. Iskandar (sunt.), *Bustanu's-Salatin*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), hlm. 31.

<sup>9</sup>Terdapat juga pendapat lain yang menyatakan bahawa Merong Mahawangsa berasal dari India. Orang India telah datang ke Asia Tenggara sejak permulaan tahun masih, terutamanya sekali untuk bermiaga. Oleh itu, berkemungkinan besar Merong Mahawangsa salah seorang daripadanya. Lihat Dzulkifli Salleh, “Hikayat Merong Mahawangsa Sebagai Sumber Sejarah” dalam *Dewan Bahasa*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Oktober 1965), hlm. 438. Manakala G. Mohamed Khan memberikan pendapat yang mempunyai sedikit penambahan, beliau menjelaskan bahawa Merong Mahawangsa adalah seorang putera daripada Dinasti Maurya, India yang terkenal dalam kalangan penduduk tempatan kerana kelebihan mereka dalam bidang kesusasteraan dan kemahiran seni. Merong Mahawangsa merupakan seorang putera yang gagah dan berani. Beliau belayar melalui Teluk Bengal dan singgah di Pulo Serai, iaitu sebuah pulau yang terletak di Barat Daya Gunung Jerai, iaitu kira-kira 30 batu dari Pulau Pinang. Lihat G. Mohamed Khan, *History of Kedah*, (Penang : Penang Premier Press, 1958), hlm.

Menurut hikayat tersebut ialah :-

*Sebermula, maka tersebutlah perkataan Raja Rum sedang dihadapi segala raja-raja besar yang bermakuta, dengan segala menteri dan para penggawa, hulubalang, sida-sida, bentara,biduanda sekalian, penuh sesak balai paseban agung, bermesyuarat bicara hendak mengantarkan anakanda baginda ke-Benua China serta menghadirkan segala kelengkapan bahtera dan kapal mencari harapan akan ganti baginda itu. Maka dalam banyak segala raja-raja yang duduk mengadap itu adalah seorang raja yang besar lagi bermakuta, sahabat kepadanya, bernama Raja Merong Mahawangsa.<sup>10</sup>*

Dalam hikayat ini juga diceritakan bahawa Nabi Allah Sulaiman membantu putera Raja Rum yang sakit berikutan terdampar di lautan yang berhampiran dengan Pulau Langkapuri. Mereka kemudiannya pergi ke negeri China bersama dengan puteri Raja China yang ditemuinya dan dikahwinkan dalam upacara yang besar-besaran. Raja Rum memaklumkan Merong Mahawangsa mengenai hal tersebut. Merong Mahawangsa melantik anakandanya Raja Merong Mahapudisat menggantikan beliau memerintah negeri yang dinamakan Kedah Zamin Turan. Setelah selesai urusan penyerahan tugas, Merong Mahawangsa pulang ke negeri asalnya bersama utusan Raja Rum.<sup>11</sup>

*Hikayat Merong Mahawangsa* menyenaraikan tujuh orang yang terawal merajai Kedah yang bermula dengan Merong Mahawangsa, Merong Maha Pudisat, Raja Seri Maha Wangsa, Raja Seri Maha Indera Wangsa, Raja Ong Maha Perita Deria (Raja Bersiung), Raja Phra Ong Maha Pudisat dan Raja Phra Ong Maha Mahawangsa yang kemudiannya dikenali sebagai Sultan Muzaffar Syah.<sup>12</sup> Di perenggan akhir hikayat ini, mengemukakan dengan ringkas senarai raja

---

9. Ada juga yang berpandangan bahawa *Hikayat Merong Mahawangsa* menghubungkan keturunan raja Kedah dengan putera kerajaan Rom dan Byzantium. Kepentingan hikayat ini memberikan persepsi mengenai pengasasan kerajaan Melayu yang dihubungkan dengan kerajaan yang lain. Lihat Hendrik M. J Maier, *In the Center of Authority*, (Cornell University Press, 1988), hlm. 65.

<sup>10</sup>Siti Hawa Salleh (sunt.), *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. 6.

<sup>11</sup>Ibid., hlm. 25-24.

<sup>12</sup>Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, (Jitra : Universiti Utara Malaysia, 1987), hlm. 12.

## MUZAKARAH 2018

yang memerintah negeri Kedah. Senarai ini berterusan sehingga sampai kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah yang memerintah pada tahun 1797-1843.<sup>13</sup>

*Hikayat Merong Mahawangsa* menunjukkan perkaitan salasilah raja Melayu dengan Raja Rum, iaitu daulah Turki Uthmaniyah yang difahami dalam karya sastera Melayu tradisional. Pengarang hikayat ini menjelaskan bahawa keturunan raja-raja Kedah berasal daripada Merong Mahawangsa, seorang pembesar daulah Turki Uthmaniyah. Kerajaan ini memang terkenal sebagai sebuah kerajaan yang besar dan kuat. Golongan pemerintah biasanya menyusurgalurkan keturunan mereka dan mengaitkannya dengan raja yang masyhur untuk mengukuhkan hak sultan yang memerintah. Kedudukan sultan dikukuhkan lagi dengan daulat, adat-istiadat, alat kebesaran dan hak keistimewaan.<sup>14</sup> Secara tidak langsung keagungan daulah Uthmaniyah ini dihubungkan kesultanan Melayu.

Penulisan hikayat ini dianggarkan berlaku sekitar tahun 1800-1820.<sup>15</sup> Dalam tempoh tersebut masyarakat Islam di Alam Melayu, masih memandang tinggi kepada Turki Uthmaniyah sebagai satu kuasa Islam yang kuat dan memohon bantuan untuk menentang penjajahan Barat.<sup>16</sup> Sultan Mu'izzudin dari Sulu pernah memohon bantuan Turki pada 1757, untuk menentang

<sup>13</sup>Siti Hawa Salleh (sunt.), *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. lxiv.

<sup>14</sup>Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), hlm. 4.

<sup>15</sup>Siti Hawa Salleh (sunt.), *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. xlvi. Salah satu kenyataan yang dianggap bernilai sejarah yang mudah dilihat ialah penceritaan salasilah raja -raja. Begitu juga dengan asal-usul nama tempat atau negeri yang dibuka. Dalam menceritakan salasilah raja dan pembukaan negeri, pengarang tidak lari dari menggunakan unsur-unsur mitos yang bertujuan untuk membesar-besarkan raja-raja tersebut. Lihat Hasrom Harun, "Hikayat Merong Mahawangsa Sebagai Historiografi Tradisional Melayu", dalam *Dewan Bahasa*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971), hlm. 533. Selain itu, sandaran kepada sesuatu yang dirasakan baik dan berpengaruh adalah untuk mendapatkan titik tolak atau permulaan cerita mahupun asal keturunan raja yang memegang peranan yang selanjutnya dalam sebuah hikayat. Hal ini dapat dilihat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* yang menggunakan kekuasaan Nabi Sulaiman dan Raja Rum sebagai seorang raja yang besar dan berpengaruh. Manakala Merong Mahawangsa adalah raja di bawah naungan Raja Rum yang kemudiannya membawa kepada salasilah keturunan raja-raja Kedah. Ini akan menjadi cabaran kepada pembaca untuk mencari siapakah Raja Merong Mahawangsa. Lihat Abdulla Haji Lubis, *Hikayat Merong Mahawangsa*, (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1965), hlm. 3.

<sup>16</sup>Auni Abdullah, *Islam Dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan Alam Melayu*, (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1991), hlm. 216.

Sepanyol. Manakala di Palembang, dua orang bekas pegawai tentera Turki terlibat dalam merancang pemberontakan melawan Belanda sekitar tahun 1848-1859. Sultan Jambi, iaitu Sultan Taha Safiuddin yang terkenal dengan kepahlawanannya, memohon perlindungan dari Turki Uthmaniyah pada tahun 1857.<sup>17</sup> Terdapat pandangan yang menjelaskan bahawa permohonan yang dilakukan oleh baginda berikutan pengetahuan terhadap jaringan dengan Timur Tengah serta politik dunia Islam yang luas yang diperolehi daripada ibunya yang berketurunan Arab.<sup>18</sup>

Penulisan sejarah memperkatakan sesuatu yang terlalu awal dalam sejarah seperti asal-usul raja, menyebabkan pengarang terpaksa bergantung kepada mitos dan lagenda untuk memperkuatkan hujahnya. Kepercayaan bahawa raja-raja Melayu berasal daripada keturunan Iskandar Zulkarnain dari Makadunia seperti yang disebut dalam *Sulalatus Salatin* dimanifestasikan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, melalui kenyataan bahawa Merong Mahawangsa berasal dari Rum. Kenyataan ini adalah untuk menonjolkan keagungan kesultanan Melayu. Unsur kreativiti penulis istana Kedah terserlah apabila disedari bahawa Makadunia dan Rum terletak dalam daerah yang sama, iaitu di sebelah Barat Asia.<sup>19</sup> Jelasnya di sini, hasil karya sastera Melayu tradisional memperlihatkan persepsi dan kreativiti daripada masyarakat Melayu.

<sup>17</sup>Auni Abdullah, *Islam Dalam Sejarah Politik*, hlm. 216. Pada tahun 1903, Sultan Taha Safiuddin sekali lagi mengemukakan rayuan kepada daulah Turki Uthmaniyah, iaitu melalui Haji Attaullah Effendi, konsul Turki Uthmaniyah di Jawa. Terdapat usaha untuk membunuh Sultan Taha Safiuddin pada tahun 1904, yang menyebabkan para pembesar Jambi mengadakan pemberontakan. Seorang pegawai tentera Turki Uthmaniyah berbangsa Hungary yang mendakwa dirinya sebagai utusan khas khalifah untuk membantu mempertahankan kedaulatan Jambi. Lihat Anthony Reid, “The Ottomans in Southeast Asia”, kertas kerja yang dibentangkan di Asia Research Institute, National University of Singapore, 2005, hlm. 13.

<sup>18</sup>Sultan Taha Safiuddin dilahirkan pada tahun 1883 dan dilantik sebagai sultan Jambi ketika berusia 20-an. Permohonan bantuan diutarakan kepada daulah Turki Uthmaniyah pada 1857, menerusi sepucuk surat yang meminta agar Jambi diakui sebagai wilayah Turki Uthmaniyah dan kuasa lain tidak mempunyai hak ke atasnya. Surat tersebut dikatakan dikirimkan seorang tokoh yang bernama Sharif Ali atau dikenali sebagai Said Ali al-Jufri, bersama tiga puluh ribu dolar Sepanyol untuk disampaikan ke Istanbul. Lihat Elsbeth Locher-Scholten, *Kesultanan Sumatra Dan Negara Kolonial Hubungan Jambi-Batavia (1830-1907) Dan Bangkitnya Imperialisme Belanda*, terj. Noor-Cholis, (Jakarta : KITLV, 2008), hlm. 135 dan 139.

<sup>19</sup>Siti Hawa Salleh (sunt.), *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. lxy.

## MUZAKARAH 2018

Meneliti karya sastera Melayu tradisional seterusnya, iaitu *Hikaya Hang Tuah* jelas menonjolkan motif kewiraan yang difokuskan kepada Hang Tuah sebagai pahlawan kerajaan Melaka. Motif kewiraan membawa persepsi yang lebih luas, apabila Hang Tuah dititahkan oleh Sultan Melaka mengetuai delegasi ke negeri Rum, iaitu daulah Turki Uthmaniyah menemui Sultan Mardha Syah Alauddin untuk membeli senjata.<sup>20</sup> Hang Tuah yang menerima arahan tersebut, memberikan pandangan beliau kepada sultan bahawa kerajaan Rum merupakan kerajaan hebat dan kuat dan begitu juga dengan kerajaan Melaka. Oleh itu, rancangan untuk menjalinkan hubungan dengan kerajaan Rum merupakan tindakan yang tepat dan akan mencipta sejarah untuk dikenang oleh generasi akan datang.<sup>21</sup>

Perutusan ke Rum juga merupakan perjalanan yang dibincangkan dengan agak terperinci dalam *Hikayat Hang Tuah*, sekitar dua puluh dua muka surat dan merupakan perjalanan terjauh yang pernah dilakukan oleh Hang Tuah. Misi ini juga melambangkan ciri kewiraan yang hebat, apabila dihubungkan dengan sebuah kerajaan yang kuat. Perutusan ini juga untuk menjalinkan hubungan Melaka dengan kuasa-kuasa besar dunia. Kesultanan Rum merupakan benua terbesar menurut pandangan masyarakat Melayu ketika itu. Pembelian senjata pula menunjukkan persepsi bahawa Rum mengakui kekuasaan kerajaan Melaka.<sup>22</sup> Di samping itu, kejayan Hang Tuah melaksanakan tanggungjawab ini juga menonjolkan aspek kewiraan dan kepahlawanan beliau sebagai negarawan yang bijaksana.<sup>23</sup>

<sup>20</sup>Nama Sultan tersebut tidak terdapat dalam kalangan sultan Turki Uthmaniyah. Kassim Ahmad berpendapat berkemungkinan sultan yang dimaksudkan ialah Sultan Murad I (1421-1451) atau Sultan Murad III (1574-1599). Lihat Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, edisi Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 620 dan “Hikayat Hang Tuah”, MSS Malay B1, Indian Office Library.

<sup>21</sup>Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, hlm. 490.

<sup>22</sup>Sulastin Sutrisno, *Hikayat Hang Tuah Analisa Struktur dan Fungsi*, (Yogyakarta : Gajah Mada University Press, 1983), hlm. 160-161 dan Anthony C. Milner, *The Invention of Politics Politics in Colonial Malaya Contesting Nationalism and the Expansion of the Public Sphere*. (Hong Kong : Cambridge University Press, 1994), hlm. 212.

<sup>23</sup>Muhammad Hj. Salleh, *Yang Empunya Cerita the Mind of the Malay Author*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), hlm. 139.

Kebesaran dan keagungan negeri Rum juga dicerita dan digambarkan dengan terperinci yang bertujuan mengangkat nama Melaka yang dapat berhubung dengan kerajaan tersebut :-

*Adapun negeri Rum itu negeri besar. Bermula masjid dalam negeri Setambul itu selaksa<sup>24</sup> dulapan ratus enam puluh dua butir banyaknya dan rumah berhala seribu dua ratus dua puluh dalam negeri itu. Telaga di pintu gerbang itu dua butir, di dalam dan di luar, dan di balai derma pun demikian juga, tempat orang kekurangan di dalam balai itulah. Adapun banyak balai derma itu dalam negeri itu empat ratus tiga belas buah dan pesara Islam tengah tujuh ratus dan pesara kafir tiga ratus tengah tiga puluh, dan sungainya dalam negeri itu banyaknya enam ratus kurang dua tujuh puluh butir kuala sungai itu dan gedung berisi emas tujuh ratus enam puluh buah dan gedung berisi perak seribu tiga puluh buah banyaknya..<sup>25</sup>*

Kejayaan Hang Tuah melakukan rundingan dengan Raja Rum dan kembali semula ke Melaka dengan membawa pelbagai senjata yang besar juga mengukuhkan lagi motif kewiraan dalam hikayat ini.<sup>26</sup> Fragmen ini juga dianggap mengandungi fungsi khusus yang berhubung dengan agama Islam. Pengislaman Sultan Melaka seperti yang tercatat di dalam *Sejarah Melayu* tidak terdapat di dalam hikayat ini. Oleh itu, perjalanan ke Rum menghubungkan Islam ke Tanah Melayu. Tradisi masyarakat Melayu mengunjungi pusat dunia Islam itu dilambangkan sebagai suatu keyakinan yang menonjolkan peribadi Melayu.<sup>27</sup>

<sup>24</sup>Laksa menyamai jumlah sebanyak sepuluh ribu. Lihat *Kamus Dewan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), hlm. 871.

<sup>25</sup>Kassim Ahmad (sunt.), *Hikayat Hang Tuah*, hlm. 516. Walau bagaimanapun, dalam penceritaan mengenai taman di istana raja Rum, T. Iskandar dalam tulisannya membuktikan bahawa petikan ini diambil daripada kitab *Bustan al-Salatin* tulisan Nuruddin al-Raniri. T.Iskandar, “Some Historical Sources and Used by the Author of Hikayat Hang Tuah”, *JMBRAS*, vol. 43, no. 1, 1970, hlm. 44. Lihat juga Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu*, hlm. 267-269.

<sup>26</sup>Kassim Ahmad, *Characterisation in Hikayat Hang Tuah*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965), hlm. 57.

<sup>27</sup>Andries Teeuw, “Tentang Penghargaan dan Penafsiran Hikayat Hang Tuah”, *Dewan Bahasa*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Ogos 1964), hlm. 352.

## Penghargaan Dan Penyanjungan Terhadap Turki Uthmaniyah

Karya sastera Melayu tradisional seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Aceh* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*, kebanyakannya berpaksikan kepada istana dan raja. Ini secara tidak langsung berperanan mempertahankan institusi tersebut yang merupakan tunjang kepada masyarakat Melayu. Menerusi karya sastera Melayu tradisional, terdapat kecenderungan dan penghargaan terhadap Turki Uthmaniyah dengan memasukkan hubungan dan pengaruh daripada daulah tersebut di dalam fragmen-fragmen tertentu.

Kajian terhadap *Hikayat Aceh* menunjukkan terdapat fragmen yang menyentuh mengenai Raja Rum, iaitu Sultan Turki Uthmaniyah. Utusan Turki Uthmaniyah dihantar ke Aceh untuk mendapatkan ubat bagi mengubati penyakit Sultan Muhammad.<sup>28</sup> Baginda memanggil semua hakim dan tabib dan bertanyakan penyakit yang menyerang baginda dan bagaimana cara mengubatinya. Dua orang hakim, iaitu Taimunus dan Jalus menyentuh anggota badan baginda.<sup>29</sup> Mereka menyatakan bahawa ubat tersebut ialah *salilatul kafur* dan *salilatul*

<sup>28</sup>Lihat T. Iskandar (sunt.), *Hikayat Aceh*, hlm. 224-243. Jika dilihat sejarah Turki Uthmaniyah, sultan yang memerintah ketika itu bukannya Sultan Muhammad tetapi Sultan Ahmad I. Ini berdasarkan hikayat ini ditulis semasa pemerintahan Sultan Muda Mahkota Alam (1607-1636). Sultan Ahmad I (1603-1617) yang menggantikan Sultan Muhammad III (1594-1603). Lihat C.E Bosworth et.al, *The Encyclopaedia of Islam*, vol. 7, (Leiden : E.J Brill, 1995), hlm. 191, Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, *Hadisatul Azhar*, hlm. 156 dan Eeman Mohamed Abbas, *Sultan Abdul Hamid II*, lampiran. Sultan Ahmad I yang menaiki takhta pada usia yang muda, iaitu 13 tahun dan tidak berpengalaman. Baginda juga banyak bergantung kepada individu di sekeliling, terutama ibunya Handan dan devsirme Muhamad Agha. Lihat Stanford J. Shaw, *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey Empire of the Gazis : The Rise and Decline of the Ottoman Empire 1280-1808*, (Cambridge : Cambridge University Press, vol. 1. 1976), hlm. 186.

<sup>29</sup>Menurut T. Iskandar mungkin yang dimaksudkan ialah Timaus (Timaeus), karya Plato yang sering dirujuk oleh pengarang Arab. Timaeus ialah sebuah dokumen yang amat penting dalam sejarah pemikiran Eropah. Perbincangan ini berhubung dengan asal-usul dunia ini, mitos, kelahiran dan juga proses perkembangan. Dalam Timaeus juga dinyatakan mengenai dunia ini yang dijadikan oleh Tuhan yang dianggap sebagai bapa dan pencipta. Unsur-unsur falsafah dengan elemen-elemen astronomi, psikologi dan fisiologi turut ditekankan. Merupakan salah satu hasil penulisan Greek yang berhubung dengan penciptaan tuhan yang terkandung di dalamnya penerangan yang rasional mengenai beberapa proses semulajadi. Timaeus juga menerima pengaruh daripada zaman dahulukala dan neoplatonisme. Manakala Tuhan Pencipta sering dikaitkan dengan pegangan Kristian berhubung dengan asal-usul Ketuhanan. Lihat Plato, *Timaeus and Critias*, terj. Desmond Lee, (Middlesex, Penguin Books 1965), hlm. 7.

*turab*, iaitu minyak kapur dan minyak tanah.<sup>30</sup> Minyak kapur yang dicadangkan untuk mengubati Sultan Turki Uthmaniyah tersebut berkait rapat dengan kapur, iaitu sejenis produk hutan yang amat terkenal di Alam Melayu. Kapur atau camphor adalah sejenis bahan yang berwarna putih dan wangi terhasil daripada dalam pokok kayu yang biasa tumbuh di hutan-hutan Kepulauan Sumatera. Bahan tersebut juga lebih dikenali dengan panggilan kapur barus. Hutan di daerah Barus, Sumatera banyak ditumbuhi oleh pokok kapur.<sup>31</sup>

Sebagai usaha untuk mendapatkan bahan tersebut, Sultan Turki Uthmaniyah mengutuskan Celebi Ahmad dan Celebi Ridwan.<sup>32</sup> Kedua-dua orang Celebi ini diiringi dengan seratus orang pengikut, dihantar menemui Bashah Yaman.<sup>33</sup> Beliau kemudiannya menghantar mereka ke Mokha dan bertemu dengan *Agha* Mir Haidar.<sup>34</sup> Kelengkapan kapal ke Aceh disediakan yang diketuai oleh Nakhoda Yakut Istanbul. Angkatan rombongan ini belayar menuju ke Aceh. Ketika rombongan ini tiba di Aceh, Sultan Iskandar Muda sedang berperang. Oleh itu, mereka terpaksa menunggu kepulangan Sultan Iskandar Muda. Setelah berjaya mengalahkan

---

Manakala Jalus pula merujuk kepada saintis Galen. Nama sebenar beliau ialah Claudius Galen yang bertugas sebagai doktor kepada maharaja empayar Rom. Beliau juga merupakan seorang guru, ahli falsafah, ahli farmasi dan ahli sains. Semasa hidupnya, beliau menghasilkan lima ratus buah buku dan karya-karya dalam bidang sains perubatan dan subjek-subjek falsafah. Idea-idea beliau adalah untuk merumuskan teori-teori saintifik yang merangkumi pemikiran perubatan sejak tahun 1500. Galen banyak memberikan sumbangan kepada bidang perubatan, fisiologi, farmasi dan anatomii Greco-Roman. Lihat juga <http://www.zephyrus.co.uk/galen.html>.

<sup>30</sup>Sultan Muhammad bertanyakan kepada perdana menteri baginda “yang pada negeri mana kamu dengar minyak kapur dan minyak tanah itu? Maka jawab Perdana Menterinya “Tuanku, yang kami dengar khabar minyak kapur dan minyak tanah itu di bumi masyrik yang bernama Aceh Dar as Salam”. Lihat T. Iskandar (sunt.), *Hikayat Aceh*, hlm. 9.

<sup>31</sup>Lihat Hamka, *Tafsir al-Azhar*, (Surabaya : Yayasan Latimojong, 1984), hlm. 277-278. Pokok kapur banyak terdapat di Barus, yang menjadi produk utama wilayah tersebut. Lihat G.R. Tibbets, *A Study of Arabic Texts Containing Material on South East Asia*, (Leiden “E.J Brill, 1979), hlm. 27-28.

<sup>32</sup>Istilah daripada bahasa Turki yang bermaksud bangsawan ataupun orang yang dihormati. Lihat T. Iskandar (sunt.), *Hikayat Aceh*, hlm. 113.

<sup>33</sup>Pembesar Turki di Yaman yang bernama Mansur Hallab. Perkataan ‘Bashah’ merupakan salah satu dari enam perkataan daripada bahasa Turki yang paling terkenal yang dipinjam oleh bahasa Melayu. Bashah bermaksud gelaran bagi pembesar Turki. Lihat Richard O. Winstedt, *Kitab Loghat Melayu*, (Singapore: Kelly and Walsh, 1921), hlm. 15.

<sup>34</sup>Perkataan *Aga* juga berasal daripada bahasa Turki yang membawa maksud ketua, tuan dan juga tuan tanah. Perkataan ini dipinjam oleh bahasa Arab dan orang Melayu kemudiannya mengambil perkataan tersebut dan dimasukkan dalam bahasa Melayu. Lihat Muhammad Abdul Jabbar Beg, *Persian and Turkish Loan Words in Malay*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya Press, 1982), hlm. 55. Manakala Kamus Dewan memberikan takrifan perkataan *Aga* sebagai gelaran bangsawan dalam bahasa Turki. Lihat *Kamus Dewan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), hlm. 13.

## MUZAKARAH 2018

Kerajaan Deli, Sultan Iskandar Muda memerintahkan agar dibuat persiapan secara besar-besaran dan baginda berangkat ke Medan Khayyali untuk menyambut utusan dari Turki Uthmaniyah.<sup>35</sup>

Utusan Turki Uthmaniyah berangkat pulang setelah selesai urusan mereka. Laporan diberikan kepada Sultan mengenai keadaan negeri Aceh dan pemerintahnya. Antara penerangan kedua-dua celebi tersebut ialah :-

*Dan ada hawa negeri Aceh Dar as-Salam itu sederhana jua tiada amat sejuk dan tiada amat hangat, daripada lalu cakrawala matahari dari masyrik ke maghrib itu berbetulan dengan bumi negeri itu. Maka dari kerana itulah segala isi negeri itu daripada manusya dan gajah dan daripada segala binatang yang dalam negeri itu gagah dan berani dan tegar hati; daripada manusya isi negeri itu dijadikan Allah Taala kuat bicaranya dan banyak bicaranya dan banyak muslihatnya pada mengikat perang tatkala berhadapan dengan seteru. Maka raja-raja yang telah lalu pada masanya kerajaan daripada nini datu Seri Sultan Perkasa 'Alam tiada kelenggara akan kota negeri itu, melainkan Kota Buruj ninpun hanya tempat mengantarkan bedil yang besar-besar dan segala senjata yang besar-besar.*<sup>36</sup>

Cerita kedua-dua celebi ini didengari oleh Sultan Turki Uthmaniyah. Baginda menjelaskan bahawa pada zaman dahulu, Allah Subhanahu wa Taala (S.W.T) menjadikan dua orang raja yang amat hebat di dunia ini, iaitu Nabi Allah Sulaiman dan Sultan Iskandar (iaitu Iskandar Zulkarnain). Manakala pada zaman ini, di pihak maghrib (Barat) daulah Turki Uthmaniyah merupakan raja yang besar. Di sebelah masyrik (Timur) kerajaan Aceh dan Sultan Iskandar, iaitu Seri Perkasa Alam adalah raja yang hebat dan mendukung agama Islam. Pada ketika itu, terdapat pemimpin yang datang dari Arab, Mughal, Parsi dan lain-lain turut mengakui kebesaran daulah Turki Uthmaniyah dan juga kerajaan Aceh.<sup>37</sup> Titah yang dikeluarkan oleh Sultan Turki Uthmaniyah, menunjukkan bahawa kehebatan kerajaan Aceh yang turut mereka

<sup>35</sup>Merupakan singgahsana tempat duduk Sultan Aceh apabila baginda menerima utusan-utusan asing yang datang ke Aceh. Di antaranya dari Turki Uthmaniyah dan juga Portugis. Lihat Denys Lombard, *Kerajaan Aceh*, hlm. 291 dan Lukman Thaib, *Aceh's Case A Historical Study of the National Movement for the Independence of Aceh-Sumatra*, (Kuala Lumpur : Universiti of Malaya Press, 2002), hlm. 29.

<sup>36</sup>T. Iskandar (sunt.), *Hikayat Aceh*, (Kuala Lumpur : Yayasan Karyawan. 2001), hlm. 95

<sup>37</sup>Ibid., hlm. 96.

kagumi. Pengiktirafan ini menaikkan imej, kedudukan serta kehebatan Sultan Iskandar Muda dan secara tidak langsung memperkenalkan kerajaan Aceh ke seluruh dunia. Motif utama dalam penulisan *Hikayat Aceh*, bertujuan untuk menyanjung Sultan Iskandar Muda dan sesuai dengan dua pertiga daripada kandungan teks tersebut adalah penceritaan mengenai baginda.<sup>38</sup>

Dalam *Hikayat Aceh* juga penghargaan terhadap Sultan Iskandar Muda turut dikesan dalam peristiwa di Masjid Nabawi ketika musim haji. Dalam satu majlis yang dihadiri oleh Bashah Yaman, Sheikh Sibghat al-Allah dan Sheikh Muhammad Mukarram dan seorang ahli sufi, iaitu Mir Jaafar. Kemudian hadir dua orang yang bernama Haji Ahmad dan Haji Abdullah. Seorang penduduk Madinah datang dan bertanya, “hai kamu dua orang, di mana negeri kamu”? Maka sahut Haji Ahmad, “negeri kami hampir negeri Aceh dan datang kami ini dari sana”.<sup>39</sup>

Realitinya sejarah hubungan di antara Aceh dan Turki Uthmaniyah adalah dibina semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah al-Kahhar (1537-1571), yang memohon bantuan untuk menentang penjajahan Portugis. Pada masa tersebut, daulah Turki Uthmaniyah menguasai perairan di Laut Merah dan melakukan serangan terhadap benteng Portugis di Pulau Diu, India.<sup>40</sup> Laporan daripada sumber-sumber Portugis juga menunjukkan bahawa antara tahun 1530-1540-an, Sultan Alauddin menerima bantuan pasukan tentera dan juga senjata, terus-menerus dari Turki Uthmaniyah dan Mesir sehingga berjaya menguasai Aru, Batak dan pantai utara Sumatra.<sup>41</sup>

Selain tulisan Nuruddin al-Raniri dalam *Bustanu al-Salatin*, terdapat rekod-rekod arkib dari Turki Uthmaniyah yang menjadi bukti bahawa hubungan Aceh dan Turki Uthmaniyah wujud semasa pemerintahan Sultan Alauddin, bukannya Sultan Iskandar Muda.<sup>42</sup> Sejak

<sup>38</sup>Ibid., hlm. xxxvi-xxxix.

<sup>39</sup>Ibid., hlm. 98.

<sup>40</sup>M. L. Dames, “The Portuguese and Turks in the Indian Ocean in the Sixteenth Century”, *Journal of the Royal Asiatic Society*, 1921, vol. 1, hlm. 16-19.

<sup>41</sup>Lihat Anthony Reid, *Sixteenth Century Turkish Influence*, hlm. 402.

<sup>42</sup>Sultan Alauddin Riayat Shah al-Kahhar menghantar utusan ke Turki Uthmaniyah pada tahun 1563, untuk memohon bantuan bagi menentang Portugis. Beberapa orang pemimpin bangsa di Asia Tenggara berjanji memeluk

## MUZAKARAH 2018

penguasaan Turki Uthmaniyah yang semakin lemah di Lautan Hindi pada akhir abad ke-16, kerajaan Aceh secara praktisnya tidak lagi mempunyai hubungan politik dengan Turki Uthmaniyah. Sultan Iskandar Muda juga tidak pernah menghantar utusannya ke Istanbul.

Kemajuan Aceh dalam bidang pensenjataan dan pertahanan semasa Sultan Iskandar Muda, adalah dianggap sebagai warisan daripada latihan-latihan yang diberikan oleh pakar Turki Uthmaniyah sebelumnya dalam bidang ketenteraan, pembuatan senjata dan pasukan meriam.<sup>43</sup> Selain untuk menyantung Sultan Iskandar Muda, hubungan dengan Turki Uthmaniyah dalam *Hikayat Meukota Alam* menunjukkan kesan daripada episod pada abad ke-16, masih lagi terpelihara sehingga zaman Sultan Iskandar Muda. Meriam-meriam buatan Turki masih lagi digunakan semasa berhadapan dengan pemerintah Belanda yang ingin menguasai Aceh.<sup>44</sup>

Sejarawan Perancis, iaitu Denys Lombard yang membuat kajian terhadap zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1636) dalam karyanya *Le Sultanat D'Atjeh au temps D'Iskandar Muda 1607-1636*, mencatatkan pengaruh Turki Uthmaniyah dalam perhiasan istana. Perhiasan tersebut terdiri daripada permaidani dan kain yang menghiasi lantai dan dinding di

---

Islam sekiranya Turki Uthmaniyah berjaya menyelamatkan mereka. Ketika itu Turki Uthmaniyah berhadapan dengan serangan untuk menawan Szigetvar dan berita kemangkatan Sultan Sulaiman al-Qanuni. Oleh itu, utusan Aceh terpaksa tinggal di Istanbul selama 2 tahun. Kemudiannya sebuah ekspedisi yang dipimpin oleh Kurdoglu Khizir Reis yang terdiri daripada 19 buah meriam dan beberapa buah kapal yang lengkap dengan senjata dan lain-lain peralatan dihantar ke Aceh. Mereka terpaksa berpatuh balik ke Yaman untuk menguruskan pemberontakan yang berlaku di sana. Walau bagaimanapun, dua buah kapal yang dipenuhi dengan peralatan dan pakar membuat senjata menuju ke Aceh. Mereka dikatakan berkhidmat dengan kerajaan Aceh dan menetap di sana. Lihat M.F Köprülü, "Othmanli", *The Encyclopaedia of Islam*, (Leiden : E.J Brill, 1960, jil. 8) hlm. 743 yang dipetik dari Saffet, *Tarikh Uthmani (Turk Tarihi) Endjumeni Medjmuasi*, vol. 10, hlm. 604-614 dan vol. 11. hlm. 678-683 serta I.H Uzuncarsili, *Osmanni Tarihi*, vol. 2, hlm. 388-389 dan vol. 3, hlm. 31-33.

<sup>43</sup>Lihat Anthony Reid, *Sixteenth Century Turkish Influence*, hlm. 402.

<sup>44</sup>Di antara meriam tersebut ialah meriam Lada Secupak ditempatkan di Kuta Raja di Kuala Aceh, meriam panjang di Kuala Bakbi untuk menjaga pantai dan beberapa meriam lain diletakkan di istana. Walau bagaimanapun, kesemua meriam tersebut telah diangkat oleh Belanda pada tahun 1874, yang sebahagian besarnya buatan Turki Uthmaniyah. Lihat Teuku Imran Abdullah (sunt), *Hikayat Meukota Alam*, (Jakarta : Intermasa. 1991), hlm. 637.

dewan istana yang merupakan buatan Turki. Begitu juga dengan hiasan di makam diraja, iaitu plaster putih dan biru adalah hasil rekabentuk arkitek dari Turki Uthmaniyah.<sup>45</sup>

Penelitian terhadap karya-karya sastera Melayu tradisional di atas jelas menunjukkan unsur anakronisme dalam menonjolkan hubungan antara Aceh dan Turki Uthmaniyah. Faktor yang menyebabkan berlakunya anakronisme tersebut bukanlah fokus dalam kajian ini, tetapi penghargaan dan penyanjungan diberikan kepada daulah Turki Uthmaniyah selaku sebuah kerajaan Islam yang dianggap kuat oleh masyarakat Melayu. Kesan daripada sikap ingin menonjolkan kekuatan dan juga penghargaan terhadap kuasa yang lebih kuat, mendorong beberapa orang pengarang sastera Melayu memasukkan fragmen hubungan Aceh dan Turki Uthmaniyah dalam karya-karya mereka.

### Gagasan Pan-Islamisme dan Kesedaran Awal Semangat Kebangsaan

Perbincangan mengenai pengaruh daulah Turki Uthmaniyah ke atas masyarakat Melayu ini dapat dilihat kepada gagasan Pan-Islamisme yang didukung oleh daulah tersebut yang turut menimbulkan kesedaran masyarakat Melayu terhadap penjajahan British. Selain Makkah dan Madinah yang terkenal sebagai pusat keilmuan awal bagi umat Islam dan juga masyarakat Melayu, Istanbul juga turut menjadi destinasi yang dikunjungi untuk menuntut ilmu dan menjalankan hubungan diplomatik. Hubungan antara masyarakat Melayu dengan Turki

---

<sup>45</sup>Denys Lombard, *Kerajaan Aceh Jaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636)*, terj. Winarsih Ariffin, (Jakarta : Balai Pustaka, 1989), hlm. 181, 189 dan 190. Selain perhiasan istana yang menggunakan barang yang diimport dari Turki, terdapat juga kelengkapan masjid yang menggunakan permaidani buatan Turki. Permaidani yang digelar permaidani Stambul terdapat di Mesjid Pulau Penyengat, Riau. Di dalam masjid tersebut terhampar 25 helai permaidani Stambul, walaupun sebahagian besarnya sudah rosak tetapi masih dipakai hingga kini. Lihat Hassan Junus, *Mesjid Pulau Penyengat*, (Pekan Baru : Seri Geliga, 1992), hlm. 13.

## MUZAKARAH 2018

Uthmaniyah dikenal pasti bermula dengan kunjungan Sultan Johor, iaitu Sultan Abu Bakar ke Istanbul pada tahun 1879 dan juga 1893.<sup>46</sup>

Sultan Abdul Hamid II, pemerintah Uthmaniyah ketika itu menganugerahkan bintang Uthmanli Darjah Pertama kepada Sultan Abu Bakar, Johor dalam lawatan baginda ke Istanbul pada tahun 1893.<sup>47</sup> Sebelum meneruskan lawatan ke Istanbul, Sultan Abu Bakar singgah di Kaherah, Mesir. Wilfred Blunt memperkenalkan baginda dengan Shaykh al-Bakri, salah seorang pendukung gagasan Pan-Islamisme. Dalam pertemuan tersebut, Shaykh al-Bakri ingin mengetahui sama ada Sultan Abu Bakar berminat dengan gagasan Pan-Islamisme ataupun berhasrat untuk menempatkan pendakwah gagasan Pan-Islamisme di Johor.<sup>48</sup>

Sebagai jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Shaykh al-Bakri, Sultan Abu Bakar dengan rendah diri menjelaskan bahawa beliau adalah seorang pemimpin kerajaan Melayu yang kecil dan tiada apa yang penting untuk dibincangkan dengan Sultan Turki Uthmaniyah. Manakala berhubung dengan pendakwah, Sultan Abu Bakar berbesar hati sekiranya Shaykh al-Bakri dapat menghantar ulama yang dapat memberikan pendidikan mengenai ajaran Islam. Sultan Abu Bakar juga menjelaskan bahawa masyarakat Islam di Johor bermazhab Syafii dan

<sup>46</sup> Abdullah bin Mohamed, "The Travels of Abu Bakar to the Far East", *Malaysia In History*, vol. 14, no. 1, 1941, hlm. 5 dan Mohd Yusof Md. Nor, "Syair Sultan Abu Bakar Dokumentasi Sejarah Johor", *Dewan Sastera*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Julai 2000), hlm. 13.

<sup>47</sup> Abdullah bin Mohamed, "The Travel of Abu Bakar, Maharajah Johore to the Far East", *Malaysian In History*, vol. 14. no.1, 1971, hlm. 5 dan Yaakub Isa, "Syair Tanah Melayu iaitu Cerita Perang Pahang dan Johor Baharu", dalam Mohd. Mokhtar Abu Bakar (sunt.), Beberapa Aspek Sejarah dan Kebudayaan Pahang, *Pahang Dalam Sejarah*. (Pekan : Lembaga Muzium Negeri Pahang, jil.1, 1982), hlm. 106. Semasa di Istanbul, Sultan Abu Bakar menginap di hotel yang mewah, baginda dibawa dengan kenderaan diraja bersama pegawai pengiring untuk ke majlis anugerah yang diadakan. Sultan Abu Bakar dikurniakan bintang Uthmanli Darjah Pertama dan penganugerahan tersebut diadakan dalam majlis yang gilang-gemilang. Lihat Wilfred S. Blunt, *My Diaries Being A Personal Narrative of Events, 1888-1914*, (Martin Secker : London, 1921), hlm. 123.

<sup>48</sup> John M. Gullick, *Rulers and Residents Influence and Power in the Malay States 1870-1920*, (Singapore : Oxford University Press, 1992), hlm. 340-341 dan Wilfred S. Blunt, *My Diaries Being A Personal Narrative of Events*, hlm. 122-123. Shaykh al-Bakri seorang tokoh dari Mesir dan mempunyai hubungan yang rapat dengan Khedif Abbas Hilmi. Beliau pergi ke England pada musim panas tahun 1892 dan menemui Perdana Menteri Gladstone di sana. Sekembalinya dari England, Shaykh al-Bakri singgah di Istanbul dan menjalinkan hubungan yang rapat dengan Sultan Abdul Hamid II serta menyambut baik gagasan Pan-Islamisme.

mereka tidak begitu mahir berbahasa Arab.<sup>49</sup> Walaupun mempunyai hubungan yang rapat dengan Turki Uthmaniyyah, Sultan Abu Bakar kelihatan kurang berminat dengan gagasan Pan-Islamisme.<sup>50</sup> Oleh itu, dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu sedikit sebanyak mendapat maklumat dan mengenai gagasan Pan-Islamisme, menerusi hubungan di antara tokoh-tokoh yang terkenal dan pemimpin Turki Uthmaniyyah.

Gagasan Pan-Islamisme yang datang dari daulah Turki Uthmaniyyah dan Mesir, mendapat reaksi masyarakat Melayu.<sup>51</sup> Sebelum tahun 1914, gagasan Pan-Islamisme dikatakan bersifat defensif dan didorong oleh semangat keagamaan. Sekolah agama dan kelab kemudiannya ditubuhkan di kebanyakan tempat berikutan perkembangan semangat keagamaan.<sup>52</sup> Akhbar Melayu pula dipenuhi dengan terjemahan artikel dari akhbar luar negara yang turut memberikan kesan terhadap kesedaran minda masyarakat Melayu, mengenai dunia antarabangsa. Namun

<sup>49</sup>John M. Gullick, *Rulers and Residents*, hlm. 340-341.

<sup>50</sup>Mohammad Redzuan Othman, "Pan-Islamic Appeal and Political Patronage : The Malay Perspective and the Ottoman Response". *Sejarah*. No. 4. 1996.

, hlm. 98 dan Anthony Reid, "Nineteenth Century Pan-Islam, hlm. 271.

<sup>51</sup>Pan-Islamisme menjadi subjek yang sering dijadikan kajian, terutamanya di Barat sejak lebih seratus tahun yang lalu. Kajian tersebut kemudiannya mengemukakan hasil yang berbeza. Namun begitu, secara umumnya Pan-Islamisme dilihat sebagai gagasan berlandaskan agama dan politik yang muncul sejak tahun 1870-an, semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid II dalam daulah Turki Uthmaniyyah. Istilah Pan-Islamisme yang digunakan oleh Barat sejak 1870-an, menyamai dengan istilah *Ittihad-i Islam*, *Ittihad-i-Din* dan *Uhuvvet-i Din* yang membawa konotasi yang sama dan digunakan dalam perhubungan di antara daulah Turki Uthmaniyyah dengan pemimpin di India, Asia Tengah dan Asia Tenggara. Pada abad ke-16 hingga pertengahan abad ke-19, pemimpin-pemimpin Islam memohon bantuan daripada sultan Turki Uthmaniyyah sebagai tuntutan terhadap peranannya sebagai khalifah umat Islam. Pada tahun 1690, Sultan Subhan Kulu Khan dari Uzbeg memaklumkan bahawa beliau memerlukan bantuan dan sultan Turki Uthmaniyyah selaku khalifah seharusnya dapat membantu umat Islam. Pada tahun 1707, Ubaydullah Khan (1703-1717), dalam suratnya menyatakan bawa taat-setia dan doa akan diberikan kepada Sultan Turki Uthmaniyyah dan berharap agar umat Islam akan bersatu sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam itu sendiri. Lihat Azmi Özcan, *Pan-Islamism Indian Muslim, The Ottomans and Britain*, (Leiden : Brill, 1997), hlm. 23-24.

<sup>52</sup>Lihat Virginia Thompson, *Post Mortem in Malaya*, (New York : The Macmillan Company, 1943), hlm. 304-305. Pada awal 1920-an, kelab-kelab yang berhubung dengan kebudayaan dan pendidikan ditubuhkan oleh masyarakat Melayu di seluruh Semenanjung. Usaha seperti ini sebenarnya telah wujud sejak tahun 1880-an dan menjadi budaya, terutamanya golongan yang menetap di bandar. Mereka juga menerbitkan akhbar dan majalah sendiri. Di samping itu, akhbar dan majalah yang diterbitkan tidak hanya diedarkan kepada ahli kelab sahaja bahkan kepada khalayak masyarakat Melayu. Lihat Marina Samad, "Early Malay Journalism", *Leader*, vol. 2, 1972, hlm. 6. Pada awal abad ke-20, iaitu pada tahun 1908 Madrasah al-Iqbal al-Islamiyyah ditubuhkan di Singapura. Seterusnya terdapat beberapa buah madrasah lagi ditubuhkan di Semenanjung Tanah Melayu seperti Madrasah Jam 'Iyyah al-Khairiyah di Muar, Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah di Pulau Pinang, Madrasah al-Hamidiyyah di Kedah dan Madrasah al-Khairiyah di Kota Bharu, Kelantan. Lihat William Roff, Pondoks, "Madrasah and the Production of Ulama in Malaysia", *Studia Islamika*, vol. 11, no. 4, 2004, hlm. 10.

## MUZAKARAH 2018

begitu, kecenderungan masyarakat Melayu terhadap Pan-Islamisme dikatakan semakin berkurangan apabila Republik Turki mengambil tindakan membubarkan institusi khilafah pada tahun 1924. Situasi ini juga dikatakan turut mendapat kesan daripada dasar British yang tidak campur tangan dalam urusan adat- istiadat dan keagamaan masyarakat Melayu.<sup>53</sup> Oleh itu, dapat dilihat penghargaan dan kecenderungan masyarakat Melayu terhadap daulah Turki Uthmaniyah, agak menurun pada abad ke-20M.

Akhbar *al-Imam* didapati menyebarkan fahaman Pan-Islamisme yang diperjuangkan oleh Jamal al-Din al-Afghani. Al-Afghani menyeru kepada kesatuan umat Islam di Timur, terutamanya di benua Asia untuk menentang kemaraan penjajah Barat. Di samping itu, gerakan pembaharuan yang melanda negara-negara di Asia Tenggara, khususnya di Alam Melayu adalah sebahagian besarnya dipengaruhi secara langsung daripada perkembangan politik di Timur Tengah.<sup>54</sup> Pada tahun 1930, akhbar *Desa Nesan* yang diterbitkan di Pulau Pinang oleh golongan India Muslim turut mempromosikan gagasan Pan-Islamisme.<sup>55</sup>

---

<sup>53</sup>Lihat Virginia Thompson, *Post Mortem in Malaya*, hlm. 304-305. Di antara tempoh Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua, masyarakat Melayu menerima fahaman nasionalisme dan semangat Pan-Islamisme menjadi semakin berkurangan. Lihat juga James M. Gullick, *Malaya*, hlm. 71.

<sup>54</sup>Abdul Aziz Mat Ton, “Al-Imam Sepintas Lalu”, jil. 11, 1972, *Sejarah*, hlm. 36. Pandangan Abdul Aziz Mat Ton adalah berdasarkan kepada hujah bahawa pelajar-pelajar Melayu yang pergi ke Mesir, mendapat pengajian di sana dan menyambut gerakan pembaharuan yang didukung oleh Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad Abduh. Pemikiran kedua-dua orang tokoh ini mengenai imperialisme Barat menyedarkan golongan intelektual Islam yang berada di Kaherah dan Makkah. Oleh itu, sekembalinya pelajar-pelajar Melayu ke tanah air, mereka juga berhadapan dengan suasana politik kolonial. Antara mereka menerbitkan majalah *al-Imam* dan bermulanya pergerakan intelektual moden Islam di rantau ini. Lihat Abdul Aziz Mat Ton, *Pengislahan Masyarakat Melayu Perbincangan al-Imam (1906-1908)*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), hlm. 46. Tokoh yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Muhammad Abduh ialah Sheikh Tahir Jalaluddin yang juga merupakan salah seorang pengarang majalah *al-Imam*. Lihat William Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, (New Heaven and London : Oxford University Press, 1967), hlm. 60-61, Hamka, *Ajahku Rivayat Hidup Dr. H. Abd Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera* (Jakarta : Penerbit Djajamurni), hlm. 48, Rosnah Adam, “Sheikh Tahir Jalaluddin”, hlm. 61. Sebagai reaksi terhadap penjajahan Barat di Alam Melayu, *al-Imam* menyeru kepada umat di Timur (khususnya bangsa Melayu) agar bangun dan bersatu-padu menentang penjajah. Untuk keluar daripada belenggu penjajahan, masyarakat Melayu harus mempertingkatkan diri dengan ilmu pengetahuan dan mengejar kemajuan agar setanding dengan Barat. Lihat *al-Imam*, jil. 1, bil. 7, 18 Disember 1906, hlm. 169-172. Selain Sheikh Tahir Jalaluddin, seorang ulama terkenal dari Kelantan, iaitu Tok Kenali, begitu meminati majalah *al-Manar* dan *al-Urwa al-Wuthqa*. Beliau terdedah dengan gelombang pembaharuan yang di bawa oleh al-Afghani dan Muhammad Abduh semasa mendapat pendidikan di Timur Tengah. Kesan dari situasi tersebut mendorong Tok Kenali memberikan cadangan kepada Majlis Ugama Islam Kelantan menerbitkan majalahnya sendiri yang dikenali

Kecenderungan *al-Imam* dalam mendukung gagasan Pan-Islamisme jelas kelihatan apabila mempertahankan daulah Turki Uthmaniyyah, daripada sasaran dan kritikan akhbar dari Barat yang mendakwa daulah tersebut sudah sampai ke zaman kelelahan dan kejatuhan. *Al-Imam* dengan tegas menyatakan bahawa daulah Turki Uthmaniyyah adalah daulah Islam yang kuat dan diperintah oleh Sultan Abdul Hamid II. Baginda juga diiktiraf sebagai khalifah umat Islam dan menjadi kewajipan kepada umat Islam, termasuklah masyarakat Melayu agar mentaati baginda.<sup>56</sup> Keghairahan bangsa Eropah memandang rendah dan mengaibkan Turki Uthmaniyyah adalah bertujuan untuk menjatuhkan kerajaan tersebut. *Al-Imam* yang memahami situasi ini, menjelaskan bahawa bangsa Turki mempunyai peribadi yang terpuji dan mereka berdoa agar Allah memberikan kekuatan kepada Turki Uthmaniyyah hingga ke hari Kiamat.<sup>57</sup>

---

sebagai *Pengasoh*. Lihat Ahmad Yaakob, “Pengasuh 1918-1955 : Satu Kajian Historiografi”, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 12-13. Pada awal abad ke-20, Timur Tengah dan Turki Uthmaniyyah mempunyai pengaruh yang besar ke atas masyarakat Melayu. Pemikiran al-Afghani, Muhammad Abduh dan Rashid Ridha serta pembaharuan Kemal memberi dorongan kepada Tok Kenali membincangkan mengenai perubahan dalam aspek-aspek politik dan kemasyarakatan, terutamanya di Kelantan. Begitu juga dengan tokoh-tokoh lain seperti Haji Muhammad bin Haji Muhammad Ismail dan Haji Nik Mahmud Ismail yang pernah menjawat jawatan Menteri Besar Kelantan. Lihat Abdul Rahman al-Ahmadi, “Satu Kajian dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi dan Assad Syukri”, Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1978, hlm. 15-18. Pandangan yang berbeza diberikan oleh sumber Belanda yang merumuskan bahawa akhbar *al-Imam* tidak mendukung gagasan Pan-Islamisme tetapi membentangkan aspek modenisasi dalam Islam. Lihat Jan Schmidt, *Through the Legation Window 1876-1926, Four Essays on Dutch, Dutch-Indian and Ottoman History*, (Istanbul : Nederlands Historisch Archeologisch Instituut, 1992), hlm. 65.

<sup>55</sup> John A. Lent, “Malaysian Indians and their Mass Media”, *Southeast Asian Studies*, vol. 12, no. 3, 1974, hlm. 346.

<sup>56</sup> *Al-Imam*, no. 9, jil. 1, Mac 1907, hlm. 281-282. *Al-Imam* juga menyeru kepada masyarakat Melayu agar tidak menderhaka kepada Sultan Abdul Hamid II. Pengiktirafan sultan Turki Uthmaniyyah sebagai khalifah kepada seluruh umat Islam yang ditegaskan, merupakan elemen penting dalam gagasan Pan-Islamisme. Lihat juga Bernard Lewis, “The Ottoman Empire in the Mid-Nineteenth Century : A Review”, *Middle Eastern Studies*, vol. 1, no. 3, 1965, hlm. 291-294, Naimur Rahman Farooqhi, “Pan-Islamism in the Nineteenth Century”, hlm. 285, Jacob M. Landau, *The Politics of Pan-Islam*, hlm. 10 dan Nikki R. Keddie, “Pan-Islam as Proto-Nationalism”, *Journal of Modern History*, vol. 41, no. 1, 1969, hlm. 19. Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa *al-Imam* secara tidak langsung memainkan peranan dalam mengutarakan idea gagasan Pan-Islamisme ke atas masyarakat Melayu.

<sup>57</sup> Pendirian *al-Imam* terhadap daulah Turki Uthmaniyyah ternyata begitu kuat dan tidak wujud perasaan sangsi terhadap kemuliaan dan kebesaran kerajaan tersebut. Sebagai membala tuduhan Barat, *al-Imam* membawa data yang menunjukkan kekuatan Turki Uthmaniyyah seperti terdapat 40,000 buah sekolah didirikan dengan jumlah pelajar seramai 1,500,000. Kemudahan landasan keretapi sejauh 15,000 kilometer dan telegraf sejauh 50,000 kilometer. Data ini diambil daripada akhbar *al-Irshad* di Mesir. Lihat *al-Imam*, no. 9, jil. 1, Mac 1907, hlm. 281-282 dan Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Imam*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), hlm. 280-281.

## MUZAKARAH 2018

Sebagai seruan kepada kesatuan umat Islam, *al-Imam* meminta supaya masyarakat Melayu menghulurkan bantuan kewangan kepada Muktamar Islami yang diadakan di Mesir.<sup>58</sup> Akhbar *Neracha* yang menyambung langkah dan perjuangan *al-Imam* turut mendukung gagasan Pan-Islamisme.<sup>59</sup> Terdapat dalam kalangan Melayu yang beranggapan bahawa Turki Uthmaniyah akan membebaskan tanahair mereka daripada penjajah British. Sembahyang hajat dan doa selamat diadakan di beberapa tempat di Semenanjung Tanah Melayu, untuk mendoakan kejayaan Turki Uthmaniyah. Sultan Turki dianggap sebagai ‘Amirul Mukminin’ dan khalifah Islam.<sup>60</sup>

Selaku penaung kepada gagasan Pan-Islamisme, Sultan Abdul Hamid II dianggap model kepada masyarakat Melayu. Baginda digambarkan sebagai sultan yang cemerlang dalam pemerintahannya. Ini dapat dikesan menerusi akhbar dan majalah Melayu yang begitu berminat melaporkan berita mengenai Sultan Abdul Hamid II, sama ada berhubung dengan aspek pemerintahan dan juga urusan peribadi. ‘Sultan al-Mu‘azam Turki’ dan ‘Amir al-Mukminin Turki’ adalah gelaran yang diberikan kepada Sultan Abdul Hamid II.<sup>61</sup> Manakala istilah ‘al-

<sup>58</sup> *Al-Imam*, bil.1, jil. 3, 1 Julai 1908, hlm. 15-18. Selain untuk kemudahan pengeraian ibadah haji, pembinaan landasan keretapi Hijaz juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan umat Islam dengan khalifah. Sultan Abdul Hamid II juga menyeru golongan intelektual menulis buku dan risalah mengenai faedah yang akan diperolehi oleh seluruh umat Islam di sebalik pembinaan landasan keretapi tersebut. Lihat Muhammad Harb, *al-Sultan ‘Abd al-Hamid*, hlm. 215-217.

<sup>59</sup> *Neracha*, bil. 57, jil. 2, 30 Oktober 1912, hlm. 2 dan bil. 59, jil. 2, 13 November 1912, hlm. 2.

<sup>60</sup> Solat hajat untuk mendoakan daulah Turki Uthmaniyah diadakan di Masjid Jalan Perak, Dato’ Keramat, Pulau Pinang. Bendera Turki Uthmaniyah turut dinaikkan di dalam majlis tersebut. Lihat *Neracha*, jil. 3, no. 99, 20 Ogos 1913, hlm. 3 dan jil. 3, no. 107, Oktober 1913, hlm. 4. Pada malam Jumaat 26 dan 27 Zulkaedah 1330/1912 di Madrasah Ihsaniah, Telok Anson (sekarang Teluk Intan) diadakan sambutan maulidur rasul dan bacaan doa selamat untuk mendoakan Sultan Turki Uthmaniyah dan juga pasukan tentera baginda. Lihat *Neracha*, jil. 2, no. 59, 13 November 1912, hlm. 3 dan Mohammad Redzuan Othman. “The Middle Eastern Influence”, hlm. 200.

<sup>61</sup> Lihat akhbar *Chahyah Pulau Pinang*, 26 November 1904, hlm. 103, *Lengkongan Bulan* jil. 2, bil. 26, 14 Mei 1900, hlm. 4, *Bintang Timor*, 8 Mac 1900, hlm. 1, *al-Imam* jil. 1, no. 4, 19 Oktober 1906, hlm. 127, *Neracha*, no. 59, jil.2, 12 November 1912, hlm. 3 dan *Tunas Melayu*, no. 8, jil. 1, 9 September 1913, hlm. 114.

Daulah al-'Aliyyah' merujuk kepada daulah Turki Uthmaniyah, adalah untuk menonjolkan ketinggian dan kekuatan sebuah kerajaan Islam kepada masyarakat Melayu.<sup>62</sup>

Di Semenanjung Tanah Melayu, gagasan Pan-Islamisme melahirkan rasa kekaguman penghormatan terhadap Turki Uthmaniyah, dianggap sebagai sebuah kerajaan yang kuat dan berwibawa yang boleh melindungi masyarakat Melayu. Situasi ini juga dikatakan turut mendapat kesan daripada dasar British yang tidak campur tangan dalam urusan adat- istiadat dan keagamaan masyarakat Melayu.<sup>63</sup>

Akhbar *al-Imam* didapati menyebarkan fahaman Pan-Islamisme yang diperjuangkan oleh Jamal al-Din al-Afghani. Al-Afghani menyeru kepada kesatuan umat Islam di Timur, terutamanya di benua Asia untuk menentang kemaraan penjajah Barat. Di samping itu, gerakan pembaharuan yang melanda negara-negara di Asia Tenggara, khususnya di Alam Melayu adalah sebahagian besarnya dipengaruhi secara langsung daripada perkembangan politik di Timur Tengah.<sup>64</sup> Pada bulan Julai tahun 1892, Dato'mentri Pahang bertemu dengan Pesuruhjaya Tinggi

<sup>62</sup>Al-daulah al-'Aliyyah bermaksud kerajaan yang tinggi dan agung. Lihat *al-Imam*, jil. 1, no. 9, 16 Mac 1907, hlm. 281, bil. 5, jil. 2, 7 Disember 1907, hlm. 151 dan jil.2, no. 6, 6 Disember 1907, hlm. 193. Penggunaan nama 'al-Daulah al-'Aliyyah al-'Uthmaniyyah' juga menunjukkan kejayaan kerajaan tersebut menguasai banyak kerajaan yang diletakkan di bawah pemerintahannya. Daulah Turki Uthmaniyah berpegang kepada mazhab Hanafi dan kekuatannya memberikan gambaran kehebatan sebuah daulah Islam. Lihat Muhammad Farid Bek, *Tarikh al-Daulah al-'Aliyyah al-'Uthmaniyyah*, (Beirut : Dar al-Jail, 1988), hlm. 39.

<sup>63</sup>Lihat Virginia Thompson, *Post Mortem in Malaya*, hlm. 304-305. Di antara tempoh Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua, masyarakat Melayu menerima fahaman nasionalisme dan semangat Pan-Islamisme menjadi semakin berkurangan. Lihat juga James M. Gullick, *Malaya*, hlm. 71.

<sup>64</sup>Abdul Aziz Mat Ton, "Al-Imam Sepintas Lalu", jil. 11, 1972, *Sejarah*, hlm. 36. Pandangan Abdul Aziz Mat Ton adalah berdasarkan kepada hujah bahawa pelajar-pelajar Melayu yang pergi ke Mesir, mendapat pengajian di sana dan menyambut gerakan pembaharuan yang didukung oleh Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad Abdur. Pemikiran kedua-dua orang tokoh ini mengenai imperialisme Barat menyedarkan golongan intelektual Islam yang berada di Kaherah dan Makkah. Oleh itu, sekembalinya pelajar-pelajar Melayu ke tanah air, mereka juga berhadapan dengan suasana politik kolonial. Antara mereka menerbitkan majalah *al-Imam* dan bermulanya pergerakan intelektual moden Islam di rantau ini. Lihat Abdul Aziz Mat Ton, *Pengisahan Masyarakat Melayu Perbincangan al-Imam (1906-1908)*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), hlm. 46. Tokoh yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Muhammad Abdur ialah Sheikh Tahir Jalaluddin yang juga merupakan salah seorang pengarang majalah *al-Imam*. Lihat William Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, (New Heaven and London : Oxford University Press, 1967), hlm. 60-61, Hamka, *Ajahku Riwayat Hidup Dr. H. Abd Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera* (Jakarta : Penerbit Djajamurni), hlm. 48, Rosnah Adam, "Sheikh Tahir Jalaluddin", hlm. 61. Sebagai reaksi terhadap penjajahan Barat di Alam Melayu, *al-Imam* menyeru kepada umat di Timur (khususnya bangsa Melayu) agar bangun dan bersatu-padu menentang penjajah. Untuk keluar

## MUZAKARAH 2018

British, Sir Cecil Clementi di Singapura.<sup>65</sup> Beliau menjelaskan bahawa penentangan yang meletus di Pahang, mendapat sokongan daripada seorang sayid keturunan Arab yang menjelajah ke negeri-negeri Melayu. Sayid tersebut berusaha mendapatkan perakuan dokumen daripada pemimpin-pemimpin Melayu, untuk memohon bantuan daripada Sultan Turki Uthmaniyah bagi menghalau penjajah British dari Semenanjung Tanah Melayu.<sup>66</sup> Penentangan di Pahang juga mendorong pentadbiran British di Singapura mempertingkatkan aspek ketenteraan.<sup>67</sup>

---

daripada belenggu panjajahan, masyarakat Melayu harus mempertingkatkan diri dengan ilmu pengetahuan dan mengejar kemajuan agar setanding dengan Barat. Lihat *al-Imam*, jil. 1, bil. 7, 18 Disember 1906, hlm. 169-172. Selain Sheikh Tahir Jalaluddin, seorang ulama terkenal dari Kelantan, iaitu Tok Kenali, begitu meminati majalah *al-Manar* dan *al-Urwa al-Wuthqa*. Beliau terdedah dengan gelombang pembaharuan yang di bawa oleh al-Afghani dan Muhammad Abduh semasa mendapat pendidikan di Timur Tengah. Kesan dari situasi tersebut mendorong Tok Kenali memberikan cadangan kepada Majlis Ugama Islam Kelantan menerbitkan majalahnya sendiri yang dikenali sebagai *Pengasoh*. Lihat Ahmad Yaakob, “Pengasuh 1918-1955 : Satu Kajian Historiografi”, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 12-13. Pada awal abad ke-20, Timur Tengah dan Turki Uthmaniyah mempunyai pengaruh yang besar ke atas masyarakat Melayu. Pemikiran al-Afghani, Muhammad Abduh dan Rashid Ridha serta pembaharuan Kemal memberi dorongan kepada Tok Kenali membincangkan mengenai perubahan dalam aspek-aspek politik dan kemasyarakatan, terutamanya di Kelantan. Begitu juga dengan tokoh-tokoh lain seperti Haji Muhammad bin Haji Muhammad Ismail dan Haji Nik Mahmud Ismail yang pernah menjawat jawatan Menteri Besar Kelantan. Lihat Abdul Rahman al-Ahmad, “Satu Kajian dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi dan Assad Syukri”, Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1978, hlm. 15-18. Pandangan yang berbeza diberikan oleh sumber Belanda yang merumuskan bahawa akhbar *al-Imam* tidak mendukung gagasan Pan-Islamisme tetapi membentangkan aspek modenisasi dalam Islam. Lihat Jan Schmidt, *Through the Legation Window 1876-1926. Four Essays on Dutch, Dutch-Indian and Ottoman History*, (Istanbul : Nederlands Historisch Archeologisch Instituut, 1992), hlm. 65.

<sup>65</sup>Sir Cecil Clementi (1840-1916) pernah berkhidmat di Hong Kong dan dipindahkan ke NNS untuk menjawat jawatan Setiausaha Kolonial dari tahun 1884-1885. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi British pada tahun 1887. Lihat Alun Jones, “Internal Security in British Malaya 1895-1942”, PhD Thesis, University of Yale, 1970, hlm. 25.

<sup>66</sup>Lihat C.O 273/181 ; Smith to Fairfield, 29 June 1892, William Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, (New Heaven and London : Yale University Press, 1967), hlm. 71-72, Alun Jones, “Internal Security in British Malaya, hlm. 25 dan Anthony C. Milner, “The Impact of Turkish Revolution on Malaya”, *Archipel*, vol. 36, 1986, hlm. 119. Jika ditinjau sejarah kedatangan keturunan Sayid di Pahang bermula seawal abad ke-19. Keturunan Sayid al-Habsyi merupakan yang terawal sampai di Pahang semasa pemerintahan Tun Koris. Sayid Abdul Rahman b. Sayid Abdullah mengetuai keluarga al-Habsyi, berhijrah dari Hadramaut ke Jakarta dan seterusnya ke Pahang. Penghijrahan keturunan sayid ke Pahang kemudiannya membentuk komuniti mereka di beberapa buah daerah di Pahang, terutamanya di Pekan, Kuantan dan Temerloh. Lihat Mahayuddin Yahaya, *Sejarah orang Syed di Pahang*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), hlm. 39. J. P Rodger yang memangku jawatan residen di Selangor ketika itu pulang ke Pahang pada 21 Disember 1982, apabila mendengar berlakunya penentangan. Beliau membawa 25 orang Sikh dibawah pimpinan Kapten Syers. Di Raub Rodger bertemu dengan Clifford, Wise dan Flemming, Ketua Polis Ulu Raub berserta dengan 25 orang Sikh. Persediaan dilakukan untuk berhadapan dengan penentang, kesemua anggota polis berjumlah lebih kurang 300 orang dianggap mampu untuk berhadapan dengan penentangan tersebut. Lihat W. Linehan, *A History of Pahang*, (Kuala Lumpur : MBRAS, 1973), 143.

<sup>67</sup>Berikutnya penentangan di Pahang, seramai empat orang ahli tidak rasmi Majlis Pentadbiran Singapura diberhentikan dan kesemua hakim pelawat meletak jawatan. Pada tahun 1888, berlaku pemberontakan yang dikenali sebagai ‘Verandah Riots’. Pemberontakan ini berpunca daripada arahan tegas pihak berkuasa Singapura supaya

Penentangan British di Pahang dipimpin oleh Dato' Bahaman, Tok Gajah (Imam Rasul) dan anaknya Mat Kilau. Oleh kerana tekanan yang begitu kuat daripada pihak British, pejuang-pejuang Pahang ini terpaksa melarikan diri pada bulan September 1892 dan menuju ke Terengganu dan Kelantan.<sup>68</sup> Semasa di Terengganu, mendapat bantuan daripada Tokku Paloh yang membenarkan mereka tinggal di Besut untuk menyusun semula strategi menentang British.<sup>69</sup> Jumlah angkatan baru ditambah kepada lebih kurang 200 orang, daripada kalangan penduduk daerah Besut dan Ulu Lebir, Kelantan.<sup>70</sup> Tokku Paloh membekalkan mereka dengan pelias, parang dan juga teks al-Quran.<sup>71</sup> Fasa kedua kebangkitan ini disuntik dengan semangat baru, atas nama jihad dan bersendikan agama Islam dalam menentang British.<sup>72</sup>

---

peniaga-peniaga Cina mengosongkan gerai-gerai mereka untuk pembinaan pejalan kaki. Pemberontakan ini berlaku selama tiga hari. Kesan peristiwa tersebut, British menubuhkan Pasukan Sukarelawan Artilleri Singapura untuk mempertingkatkan aspek ketenteraan. Lihat G.M Reith, *Handbook to Singapore*, (Singapore : Oxford University Press, 1985), hlm. 14 dan 19.

<sup>68</sup>W. Linehan, "A History of Pahang", *JMBRAS*, vol.14, pt. 2, 1936, hlm. 155. Lihat Abdul Rahman Abdullah, *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950 Pengaruh Agama Islam dan Tarikat*, (Kuala Lumpur : Penerbitan Kintan Sdn. Bhd 1994), hlm. 82-83 dan Abdullah Zakaria Ghazali, "Kebangkitan-kebangkitan Anti British di Semenanjung Tanah Melayu", dalam *Malaysia : Sejarah dan Proses dan Pembangunan*, (Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1979), hlm. 98.

<sup>69</sup>Nama sebenar beliau ialah Sayid Abdul Rahman bin Sayid Muhammad. Dilahirkan di Kampung Chabang Tiga pada tahun 1818. Mendapat pendidikan awal daripada ayahnya di Masjid Chabang Tiga dalam bidang tafsir, tauhid, fiqh dan sebagainya. Ketika usia remaja beliau pergi ke Makkah untuk melanjutkan pengajian dan menuntut dengan Sayid Ahmad Zaini dan Sayid Abdullah Ali al-Zawawi dengan mempelajari ilmu tasawuf, tafsir, fiqh dan hadith. Sekembalinya dari Makkah, Tok Ku Paloh mengajar di Masjid Chabang Tiga dan berpindah ke Kampung Paloh. Beliau mengajar ilmu-ilmu agama dan tarikat serta menulis buku-buku agama yang kebanyakannya disiapkan oleh anak-anak muridnya. Dari segi keperibadiannya beliau seorang yang lemah-lembut, penyabar dan mempunyai suara yang lantang. Tok Ku Paloh juga banyak memainkan peranan dalam pentadbiran negeri Terengganu. Lihat Mohammad bin Yusuf, "Sayid Abdul Rahman Bin Sayid Muhammad (Tok Ku Paloh)", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, jil. 13, 1984, hlm. 52-54 dan Abdullah Ali, "Ulama Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975, hlm. 103-114.

<sup>70</sup>Tokku Paloh membangkitkan semula semangat pejuang Pahang dengan menyeru kepada jihad dan perang sabil melawan orang kafir. Walau bagaimanapun, gagasan Pan-Islamisme dilihat tidak banyak mempengaruhi pemberontakan di Pahang. Lihat Jang Aishah Muttalib, *Pemberontakan Pahang 1891-1895*, (Kota Bharu : Pustaka Aman Press, 1972), hlm. 218-219.

<sup>71</sup>Pelias merupakan mentera yang menjadikan seorang itu kuat dan kebal, digunakan juga sebagai azimat ketika perang. Lihat *Kamus Dewan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), hlm. 1165.

<sup>72</sup>Aruna Gopinath, *Pahang 1880-1993 a Political History*, (Kuala Lumpur : The Council of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 1991), hlm. 154 dan Abdullah Ali, "Ulama Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975, hlm. 167.

## MUZAKARAH 2018

Faktor agama menjadi tunjang dalam penentangan masyarakat tempatan terhadap penjajah. Hugh Clifford yang terlibat menghapuskan kebangkitan pejuang Pahang, mengemukakan pandangan beliau bahawa orang Islam saling bantu-membantu dan agama Islam berperanan dalam menyatukan umatnya untuk menentang penjajah (kafir).<sup>73</sup> Hugh Clifford menyatakan bahawa :-

*It is hinted that the Sultan of Istanbul, the King of Siam, the Emperor of China, and every other potentate known to Malay tradition, down to the king of the birds himself, are in league with the outlaws to drive the whitemen screaming from the land, and to make universal faith of the prophet throughout the world.*<sup>74</sup>

Penentangan terhadap British juga berlaku di Terengganu pada tahun 1928, dilakukan oleh masyarakat tempatan yang terdiri daripada golongan petani.<sup>75</sup> Mereka berkumpul setelah mendapat sepuak surat yang bertulis dengan dakwat merah atas nama Sayid Sagoff ibni Sayid Abdul Rahman (Tokku Paloh) dan Hj. Abdul Rahman Limbong. Surat tersebut turut menyebut “Kita dan tuan untuk semua bergabung dalam Syarikat” dan diminta datang segera ke Kuala Berang pada tanggal 2 Zulhijjah 1346 (bersamaan 1 Mei 1928). Dalam surat ini menyatakan harapan agar semua orang Islam dapat berkumpul. Matlamat mereka adalah untuk mengibarkan

<sup>73</sup>Hugh Clifford dilahirkan pada 5 Mac 1866. Mendapat pendidikan di Woburn Park, Britain dan menghabiskan sebahagian besar daripada usianya berkhidmat di Semanjung Tanah Melayu. Pada 21 September 1883, bertugas di Kuala Kangsar Perak. Seterusnya pada tahun 1887, dihantar ke Pahang dan dilantik sebagai Pemangku Agen Gabenor (1887-1888), Superitenden Ulu Pahang (1889-1890) dan Pemangku Residen British (1890-1896). Clifford memainkan peranan penting dalam menangani pemberontakan terhadap British yang diketuai oleh Dato' Bahaman. Pada Julai 1896 dilantik sebagai Residen Pahang. Lihat Khoo Kay Kim, “Introduction Expedition to Terengganu and Kelantan”, hlm. xii

<sup>74</sup>Hugh Clifford, *Bush-wacking and other Asiatic Tales and Memories*, (London : William and Heinemann Ltd, 1929), 78-79.

<sup>75</sup>Rakyat Terengganu tidak begitu memahami undang-undang tanah yang diluluskan oleh kerajaan dalam membezakan tanah milik kerajaan dan tanah milik individu. Oleh itu, timbul perasaan tidak puas hati ke atas pegawai-pegawai kerajaan. Ini ditambah lagi apabila pemimpin tidak memberikan penerangan kepada rakyat apakah tujuan perlaksanaan undang-undang hasil, pas dan juga banci. Kerajaan Terengganu mula membuat tuntutan hasil tanah pada bulan Mac 1928, ke atas tanah milik individu. Tuntutan ini tidak dihiraukan oleh penduduk, terutamanya di Ulu Berang. Mereka mendakwa tanah-tanah ini bukannya hak mereka tetapi milik Haji Abdul Rahman Limbong. Kes ini dibawa ke mahkamah dan Haji Abdul Rahman Limbong didenda. Pada 7 April 1928, beberapa orang penduduk dipenjarakan di Kuala Berang kerana menebang pokok tanpa kebenaran dan didenda lima ringgit seorang. Situasi inilah membawa kepada penentangan rakyat ke atas pentadbiran British. Lihat Abdullah Zakaria Ghazali, “Kekacauan dan Kebangkitan di Terengganu 1921-1928”, Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1976, hlm. 184-186.

## MUZAKARAH 2018

bendera Setambul (bendera Turki Uthmaniyah), sebagai simbol penentangan. Penggunaan bendera Setambul menunjukkan bahawa penentangan ini sedikit sebanyak dipengaruhi oleh konsep gagasan Pan-Islamisme.<sup>76</sup>

Bendera Setambul berwarna merah dikibarkan apabila mereka berjaya menawan rumah pasung di Kuala Berang. Penentangan ini dianggap mempunyai hubungan yang rapat dengan pertubuhan Sarekat Islam. Walau bagaimanapun, pihak British mendakwa bahawa Sarekat Islam diasaskan sejak 1922, oleh beberapa kumpulan perompak di sekitar Paka dan Dungun, turut dianggotai oleh Hj. Abdul Rahman Limbong dan pengikutnya. Hj. Abdul Rahma Limbong juga dikatakan turut terlibat dalam beberapa kegiatan rompakan. Adalah sukar untuk mempercayai seorang ulama yang bertaraf sufi menjadi perompak. Tindakan British adalah bertujuan untuk memberikan persepsi yang negatif kepada Hj Abdul Rahman Limbong.<sup>77</sup>

Penggunaan perkataan “syarikat” dalam surat dan penggunaan bendera merah oleh golongan petani dalam serangan ke atas pejabat dan rumah kerajaan di Kuala Berang, jelas menunjukkan bahawa penentangan tersebut tidak hanya berkisar kepada rungutan dan ketidakpuasan hati golongan petani sahaja. Tindakan ini menunjukkan bahawa ada kaitan dengan organisasi bercorak politik, iaitu Sarekat Islam.<sup>78</sup> Laporan British berhubung dengan penentangan yang berlaku di Terengganu, menunjukkan bahawa pertubuhan agama yang

<sup>76</sup>C.O 717/61, “Report on the Recent Disturbances in Trengganu”, Evidence Given by Omar b. Mahmud – Exhibit R, Lihat juga Mohd Sarim bin Mustajab, “Islam dan Perkembangannya Dalam Masyarakat Melayu Di Semenanjung Tanah Melayu 1900-1940an”, Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975, hlm. 280 dan Abdullah Zakaria Ghazali, “Kekacauan dan Kebangkitan di Terengganu 1921-1928”, hlm. 224-226.

<sup>77</sup>Lihat Timah binti Hamzah, “Peranan dan Pengaruh Haji Abdul Rahman Limbong”, hlm. 40. Keterangan mengenai peribadi Haji Abdul Rahman Limbong seorang ulama bertaraf sufi boleh dilihat dalam tulisan Abdullah Zakaria Ghazali, “Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid (Haji Abdul Rahman Limbong) Terengganu”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, jil. 19, 1976, hlm. 13-15 dan Mohd Sarim Haji Mustajab, “Pentadbiran Agama dan Penentangan”, hlm. 27. British juga menganggap Sarekat Islam sebuah pertubuhan kongsi gelap kerana ditubuhkan secara rahsia tanpa kebenaran kerajaan, tambahan pula kumpulan ini berjaya menawan bangunan kerajaan di Kuala Berang dan menaikkan bendera merah. Ada juga yang mengaitkannya sebagai kongsi gelap Melayu bendera merah-bendera putih. Lihat Mubin Sheppard, “A Short History of Trengganu, (Singapore : Malaya Publishing House, 1949), hlm. 66 dan Chan Su Ming, “Kelantan and Terengganu 1909-1926, *JMBRAS*, vol. 38, pt. 1, 1965), hlm. 91.

<sup>78</sup>Mohd Sarim Haji Mustajab, “ Pentadbiran Agama dan Penentangan”, hlm. 40.

## MUZAKARAH 2018

dinamakan Sarekat Islam terlibat dalam penentangan tersebut. M.L.I Wayne, bekas Pesuruhjaya Polis Terengganu menjelaskan bahawa ahli-ahli Sarekat Islam di Ulu Marang adalah di bawah pimpinan Sayid Sagoff dan mereka menubuhkan cawangan di Marang, iaitu kawasan Hj. Abdul Rahman Limpong. Pusat kegiatan Sarekat Islam juga dipercayai bertempat di Beserah, Pahang. Pemergian Hj. Abdul Rahman Limpong ke Beserah, dikatakan mempunyai kaitan dengan pertubuhan Sarekat Islam.<sup>79</sup>

Pihak British juga merampas sehelai baju berwarna putih dibalut dengan tulisan Arab dari rumah Hj Muda bin Hj Him. Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan berapa ramai bilangan ahli Sarekat Islam. Ketika Pesuruhjaya Polis Terengganu, Tengku Muhammed menggeledah rumah Matzin di Telemong, beliau menemui senarai nama kira-kira 800 orang rakyat dari berbagai kampung di sepanjang Sungai Terengganu yang dikatakan telah dikumpulkan sejak tiga tahun sebelumnya. Sayid Sagoff ketika disoal mengenai Sarekat Islam menjelaskan bahawa pemimpin utamanya ialah Haji Omar Siam di Nerus.<sup>80</sup>

Di Terengganu, Sarekat Islam telah bertapak dalam tahun 1920-an, tetapi tidak dapat ditentukan dengan tepat tarikh penubuhannya. Rekod-rekod British seperti *Colonial Office* dan Fail Setiausaha Kerajaan Terengganu dan Fail Menteri Besar tidak mencatatkan tarikh

<sup>79</sup>C.O 717/61, “Report on the Recent Disturbances in Trengganu”: Evidence Given by Muhammad b. Yusuf (Dato Seri Amar Diraja) dan George Alexander Ghazel de Mobray : A.J Sturrock, Annual Report of British Adviser Trengganu, 30 June 1927 to 18 June 1928, hlm. 12-13 dan Pahang Secretariat Records, No. 1381/23 : C.P.O Pahang kepada Secretary to Resident, 16 Januari 1925, Abdullah Zakaria Ghazali, “Sarekat Islam di Terengganu”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, jil. II, 1977, hlm. 20-22 dan Khoo Kay Kim, “Keterlibatan Orang-orang Melayu Dalam Persatuan Sulit”, *Sejarah*, jil. 14, 1975/1976, hlm. 64. Semasa berlangsungnya Perang Dunia Pertama 1914-1918, Abdul Salam Rifqi atau Abdul Salem, berketurunan India Muslim memainkan peranan dalam menyebarkan propaganda pihak Jerman. Beliau menghubungi tokoh-tokoh Sarekat Islam serta masyarakat berketurunan Arab. Abdul Salem dicurigai oleh pihak British apabila mengirimkan risalah melalui pos dari Betawi ke Pahang. Pihak British berjaya mengesan aktiviti tersebut, apabila Abdul Salem menggunakan percetakan Sarekat Islam yang menerbitkan akhbar *Pancharan Warta* untuk mencetak risalah yang baru. Lihat C. Van Dijk, “Pan-Islamism and Germano-Indian Plot”, dalam Huub de Jonge & Nico Kaptein, *Transcending Borders Arabs, Politics, Trade and Islam in Southeast Asia*, (Leiden : KITLV, 2002), hlm. 87.

<sup>80</sup>Mohd Sarim Mustajab, “Islam dan Perkembangannya Dalam Masyarakat Melayu”, hlm. 282. Lihat juga Terengganu SA, Terengganu Secretariat Files, 1295/1346, Keterangan Sayid Sagoff b. Sayid Abdul Rahman, 15 Zulhijjah 1346 (4hb Jun 1928).

penubuhan Sarekat Islam. Sarekat Islam buat pertama kalinya cuba diasaskan oleh Sayid Muhammad dari Johor, tetapi ditolak oleh Datuk Seri Amar Diraja Mohammad Yusuf. Beliau tidak mahu pemimpin di Terengganu menerima nasib yang sama seperti di Hindia Timur Belanda yang menerima tekanan dari Belanda. Walau bagaimanapun, Sarekat Islam berjaya diasaskan oleh Sayid Abdul Rahman yang berasal daripada keturunan kerabat diraja Siak. Sayid Abdul Rahman berulang alik dari Pahang, iaitu ke Beserah, Terengganu, Kelantan dan Patani.<sup>81</sup>

Sayid Abdul Rahman berusaha menarik minat penyertaan orang Melayu ke dalam Sarekat Islam. Di antara peraturan pertubuhan ini, ahli-ahlinya mesti membantu antara satu sama lain, membaca zikir dan ‘Qul-huwallah’ kepada ahli yang meninggal dunia dan melakukan ziarah dengan membawakan bantuan makanan kepada keluarga si mati. Sayid Abdul Rahman mendapat sokongan daripada Raja Jambol dari Patani. Sarekat Islam pernah bertapak kuat di Terengganu. Di Pulau Duyung boleh dikatakan kebanyakan penduduknya adalah ahli Sarekat Islam. Di Kuala Besut, Sarekat Islam dipimpin oleh Haji Wan Osman. Di Kemaman, pertubuhan ini diketuai oleh Sayid Osman bin Sayid Husin yang bertugas sebagai pengurus di Jabor Concession.<sup>82</sup>

Penglibatan Sarekat Islam membuktikan bahawa penentangan tersebut bukan setakat ketidakpuasan hati masyarakat Melayu, terhadap dasar British yang mewajibkan pengambilan pas untuk meneroka tanah tetapi mempunyai signifikan lebih besar daripada itu. Jika dibuat perbandingan, kebangkitan yang berlaku di Terengganu lebih besar berbanding penentangan oleh Tok Janggut di Pasir Puteh, Kelantan. Penentangan di Terengganu disertai gerombolan

<sup>81</sup>Abdullah Zakaria Ghazali, “Sarekat Islam di Terengganu”, hlm. 20-22 dan Mohd Sarim Haji Mustajab, “Pentadbiran Agama dan Penentangan Satu Penelitian Terhadap Hubungan Melayu-Inggeris Di Terengganu 1915-1939”, *Jebat*, jil. 15. 1987, hlm. 40

<sup>82</sup>Ibid.

## MUZAKARAH 2018

rakyat yang mara dari pelbagai daerah negeri tersebut.<sup>83</sup> Sarekat Islam di Terengganu mempunyai hubungan yang rapat dengan Sarekat Islam di Hindia Timur Belanda. Tokoh-tokoh Sarekat Islam dari sana melarikan diri mereka ke Semenanjung Tanah Melayu apabila dibuang negeri oleh pihak Belanda.<sup>84</sup>

Pertubuhan Sarekat Islam di Hindia Timur Belanda dilihat mempunyai pengaruh Pan-Islamisme dalam kebangkitan masyarakatnya. Antara pengaruh yang dapat dilihat ialah pemakaian pakaian berunsurkan Turki Uthmaniyyah dan juga penggunaan bendera Turki dan juga lambang-lambang yang lain. Ketika pembukaan Kongres Sarekat Islam di Bandung pada tahun 1916, dua bendera dinaikkan, iaitu bendera Belanda dan bendera Sarekat Islam. Bendera Sarekat Islam yang berwarna merah jambu dan mempunyai lambang bulan sabit dan bintang yang berwarna perak, hampir menyamai bendera Turki Uthmaniyyah. Lambang ini turut digunakan dalam kad ahli, kepala surat dan juga buletin rasmi pertubuhan ini.<sup>85</sup>

<sup>83</sup> Menteri Besar Terengganu, Hji Ngah Mohamed Yusuf menyatakan bahawa sekiranya tidak berlaku pertempuran di Kuala Telemong, kemungkinan besar barisan penentang dapat menguasai Bukit Payong dan Kuala Terengganu. Lihat Mohd Sarim Haji Mustajab, "Pentadbiran Agama dan Penentangan", hlm. 42.

<sup>84</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, "Sarekat Islam", hlm. 20. Sarekat Islam di Hindia Timur Belanda mulanya dikenali sebagai Sarekat Dagang Islam yang merupakan sebuah pertubuhan yang diasaskan untuk memperluaskan perdagangan batik daripada dikuasai oleh masyarakat Cina. Pada tahun 1912, pertubuhan ini kemudiannya bertukar nama menjadi Sarekat Islam yang turut memberikan tumpuan kepada pertubuhan politik dan keagamaan. Hamid Algadri, *Dutch policy Against Islam*, hlm. 74 -78. Sarekat Islam diasaskan oleh H. Samanhoedi yang merupakan seorang pengusaha batik yang berjaya di Lawean, Solo. Terdapat beberapa pandangan sarjana dalam menentukan tarikh penubuhan Sarekat Islam. Rinkes menyatakan pertubuhan ini diasaskan pada tahun 1912. Manakala Residen Surakarta dalam laporan pertamanya tentang Sarekat Islam, menulis bahawa Sarekat Islam diasaskan beberapa bulan sebelum itu. Penulis-penulis yang kebelakangan menyebut tahun 1911 sebagai tarikh pengasasannya. Manakala golongan Islam tertentu meletakkan tarikh penubuhan Sarekat Islam pada 16 Oktober 1908. Lihat A.P.E Korver, *Sarekat Islam Gerakan Ratu Adil?* (Jakarta : Percetakan PT Temprint, 1985), hlm. 11 dan Sumit Mandal, "Forging a Modern Arab Identity in Java in the Early Twentieth Century", dalam Huub de Jonge & Nico Kaptein, *Transcending Borders*, hlm. 166.

<sup>85</sup> Mengenai penggunaan pakaian Turki yang dipakai oleh anggota Sarekat Islam terdapat dalam laporan bupati Tuban di daerah Surabaya dan Sumatera Selatan. Surat bupati Tuban kepada Pembantu Residen Belanda 2-5-1913, Vb 5-12-13-61 ; nota bupati Bojonegoro, 18-4-1913, Vb. 9-8-13-B13 : Residen Surabaya kepada Gabenor Jeneral 19-5-1913, Vb. 9-8-13-B13, *Persoverzicht in het Kolonial Tijdschrift* 2 (1913), 1202 : nota Frijling dan Clignett, 28-5-1915, hlm. 9-11, 54, 101.mr.1738/15. Lihat A.P.E Korver, *Sarekat Islam Gerakan Ratu Adil?*, hlm. 68 dan Michael F. Laffan, *Islamic Nationhood and Colonial Indonesia the Umma Below the Winds*. (London : Routledge Curzon, 2003), hlm. 206-207. Terdapat pandangan yang mengatakan bendera Turki Uthmaniyyah tidak sempat dikibarkan dalam Kongres Sarekat Islam di Bandung atas nasihat pegawai Belanda yang hadir dalam majlis tersebut. Namun begitu, terdapat sebahagian peserta kongres mengenakan pakaian Turki. Lihat Deliar Noer, *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942*, (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1978), hlm. 189.

Pihak British bimbang dengan kegiatan seorang guru agama, iaitu Hj. Wan Ahmad bin Wan Ngah.<sup>86</sup> Beliau berasal dari Kelantan dan berpengalaman mengajar agama di pelbagai tempat dan akhirnya menetap di Temoh, Perak. Di Temoh, Hj. Wan Ahmad mendirikan Madrasah al-Ahmadiyah dan pernah memasuki peperiksaan untuk menjadi majistret Melayu dan juga pegawai daerah di Lenggong, Utara Perak.<sup>87</sup> Hj. Wan Ahmad mempunyai hubungan yang rapat dengan keluarga diraja Perak dan bertugas mengajar Raja Muda Perak di Telok Anson. Beliau juga merupakan sahabat kepada Sheikh Abdullah al-Maghribi, seorang ulama yang aktif dengan gerakan islah dan juga perjuangan Kaum Muda.<sup>88</sup> Sebagai seorang guru agama, Hj. Wan Ahmad menjelaskan kepada masyarakat Melayu bahawa undang-undang yang dilaksanakan oleh British tidak bersandarkan kepada al-Quran. Hj. Wan Ahmad mengalakkan orang Melayu yang pergi menuaikan ibadah haji ke Makkah, menggunakan kesempatan tersebut bertemu dengan orang Turki Uthmaniyah bagi memperkuatkan hubungan silaturrahim sesama Islam. Daulah Turki Uthmaniyah dianggap lebih sesuai mentadbir Semenanjung Tanah Melayu berbanding British.<sup>89</sup>

<sup>86</sup>Hj. Wan Ahmad bin Wan Ngah berasal dari Kelantan. Beliau seorang guru agama yang pernah mengajar di Kelantan dan juga negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Pada tahun 1924 atau 1926, beliau berpindah ke Temoh, Perak atas undangan seorang tokoh agama, iaitu Haji Abdullah bin Endut. Hj. Wan Ngah kemudiannya mengahwini anak perempuan Haji Abdullah dan terus menetap di Temoh. Selain mengajar rakyat tempatan, Hj. Wan Ahmad turut diundang oleh Raja Muda Perak, iaitu Raja Abdul Aziz untuk mengajar keluarga diraja. Hj. Wan Ahmad kemudiannya mula terkenal sebagai salah seorang ulama di negeri Perak. Lihat Badriyah Hj. Salleh & Azmi Mohd Nasir, "Dua orang Tokoh Agama", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, jil. 13, 1984, hlm. 47-48.

<sup>87</sup>Alun Jones, "Internal Security in British Malaya", hlm. 158-159. Kewibawaan Hj Wan Ahmad sebagai seorang pemimpin masyarakat dibuktikan dengan peranan beliau sebagai ketua kampung Temoh Stesen dan mempunyai hubungan yang baik dengan Kiyai Haji Salleh yang merupakan pengasas Madrasah Saadiyah-Salihiah (1914-1959), Lihat Badriyah Hj. Salleh, *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiyah-Salihiah 1914-1959*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), hlm. 16.

<sup>88</sup>Mohd Sarim Mustajab, "Syed Syeikh Abdullah Maghribi" : Pendidik Dan Kaum Muda", *Jebat*, jil. 5, 1975/1976), hlm. 2.

<sup>89</sup>Hj Wan Ahmad disenaraikan sebagai individu yang berbahaya oleh British kerana beliau adalah pendukung gagasan Pan-Islamisme dan mampu menyebarkan pengaruhnya ke atas masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, menurut rekod British beliau tidak mempunyai hubungan dengan gerakan khilafah yang berpusat di NNS. Lihat Alun Jones, "Internal Security in British Malaya", hlm.158-159, Khoo Kay Kim, "Keterlibatan Orang-orang Melayu Dalam Persatuan-Persatuan Sulit", *Sejarah*, jil. 14, 1975/1976, hlm. 65, "Suasana Politik di Tanah Melayu

Di samping tokoh agama dalam kalangan masyarakat tempatan, perhubungan di antara keluarga keturunan Arab yang menjadi pentadbir di Johor dan Singapura dengan daulah Turki Uthmaniyah merisaukan Belanda. Mereka bimbang dengan tindakan Turki Uthmaniyah melantik Sayid Abdullah al-Junayd dari Hadramaut sebagai konsul yang pertama di Singapura pada tahun 1864. Namun begitu, Sayid Abdullah al-Junayd meninggal dunia pada tahun 1865. Pihak Belanda menghantar bantahan ke London, mengenai perlantikan orang Islam sebagai konsul Turki Uthmaniyah di Singapura.<sup>90</sup>

Sayid Muhammad al-Sagoff dicurigai oleh pihak Belanda dan menganggap beliau sebagai pemimpin keturunan Arab yang melakukan penentangan. Lord Salisbury, Perdana Menteri British menghubungi Pejabat Jajahan di London dan mencadangkan agar mengubah polisi ini dan jawatan konsul diisi oleh orang Turki sendiri.<sup>91</sup> Walaupun mendapat tekanan daripada *Foreign Office*, pejabat *Colonial Office* menerima jawatan konsul Turki Uthmaniya dan isu ini berbangkit semula pada tahun 1889 dan 1904. Di sebalik masalah komunikasi dalam

---

Sebelum Perang Dunia II”, dalam *Malaysia Sejarah dan Proses Pembangunan*, (Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1979), hlm. 183 dan Azmi Aziz & Shamsul Amri Baharuddin, “The Religious, the Plural, the Secular and the Modern ; A Brief Critical Survey on Islam in Malaysia”, *Inter-Asia Cultural Studies*, vol. 5, 2004, hlm. 350. Orang Melayu yang menunaikan ibadah haji sememangnya dapat mengeratkan silaturrahim apabila bertemu dengan bangsa lain, terutamanya dari Turki Uthmaniyah dan Mesir. Secara tidak langsung pertemuan ini mewujudkan ikatan keagamaan yang kuat. Namun begitu, halangan dari segi bahasa mempengaruhi interaksi antara mereka. Lihat Leonard R. Wheeler, *The Modern Malay*, (London : George Allen & Unwin, 1928), hlm. 128.

<sup>90</sup>Daulah Turki Uthmaniyah kemudiannya berhasrat untuk melantik abang kepada Sayid Abdullah al-Junayd, iaitu Sayid Junayd bin Umar al-Junayd, tetapi terpaksa menerima nasihat British agar tidak meneruskan tindakan tersebut. Walau bagaimanapun, Sayid al-Junayd tetap dianggap sebagai wakil konsul Turki Uthmaniyah untuk beberapa tahun. Seterusnya Sayid Muhammad al-Sagoff memegang jawatan tersebut pada tahun 1880-an. Lihat Anthony Reid, “Nineteenth Century Pan-Islam”, hlm. 271.

<sup>91</sup>Anthony Reid, “Nineteenth Century Pan-Islam”, hlm. 271. Dalam kes ini, kelihatan daulah Turki Uthmaniyah tidak mudah menerima bantahan British dan mengulangi permintaan mereka untuk melantik Sayid Junayd bin Umar al-Junayd pada tahun 1884, sebagai konsul Turki Uthmaniyah di Singapura. Lihat C.O 273/137, Foreign Office to Undersecretary of State, Colonial Office, 20 Oktober 1884, Arkib Negara Malaysia.

pentadbiran British, dua orang wakil daripada keluarga al-Junayd mengisi jawatan Konsul Turki Uthmaniyah di Singapura pada tahun 1880-an, walaupun tanpa pengiktirafan rasmi.<sup>92</sup>

Perlantikan Muhammad Kiamil Bey sebagai Konsul Turki Uthmaniyah di Jawa, membawa kepada penyebaran gagasan Pan-Islamisme. Beliau mempunyai ramai pengikut dalam kalangan keturunan Arab dan menyeru agar menganggap diri mereka sebagai warga Turki Uthmaniyah. Pihak Belanda juga terpaksa mengawasi tindakan Kiamil Bey yang berusaha membantu Sultan Deli dan juga kerajaan Aceh.<sup>93</sup> Antara peranan penting yang dimainkan oleh Kiamil Bey, ialah menghubungkan antara masyarakat keturunan Arab di Alam Melayu dengan akhbar-akhbar di Timur Tengah. Pada penghujung abad ke-19, akhbar berbahasa Arab, iaitu *al-Ma'lūmāt* dan *al-Thamarāt al-Funūn* mengadakan tinjauan di Jawa serta Singapura berikutan bantahan ketidakdilan Belanda terhadap masyarakat Islam, terutamanya keturunan Arab. Media massa tersebut juga meminta daulah Turki Uthmaniyah campur tangan dalam permasalahan ini.<sup>94</sup> Usaha Kiamil Bey yang menghubungkan masyarakat berketurunan Arab di Jawa, Singapura dan juga akhbar-akhbar dari Istanbul, Beirut dan Kaherah yang diklasifikasikan sebagai pro Pan-Islam.<sup>95</sup>

Kiamil Bey tidak hanya menghubungkan masyarakat Melayu dengan media massa dari Timur Tengah, bahkan menyeru kepada kesatuan umat Islam di bawah pemerintahan sultan Turki Uthmaniyah. Beliau juga merangsang semangat menentang penjajahan Belanda dalam

<sup>92</sup>Ulrike Freitag, "Arab Merchants in Singapore", hlm. 128.

<sup>93</sup>Lihat Anthony Reid, "Nineteenth Century Pan-Islam", hlm. 271.

<sup>94</sup>Ibid. Beberapa siri artikel mengenai diskriminasi ke atas masyarakat Islam, terutamanya golongan berketurunan Arab di Hindia Timur Belanda ditulis oleh Sayid Muhammad Aqil yang menggunakan nama pena 'Sayf al-Din al-Yamani'. Lihat Ulrike Freitag, *Indian Ocean Migrants*, hlm. 214. Akhbar *al-Ma'lūmāt* disekat penyebarannya oleh pihak Belanda apabila mengeluarkan laporan yang mendakwa bahawa pihak Belanda memaksa masyarakat tempatan di Hindia Timur Belanda, menyerahkan anak gadis mereka untuk dijadikan sebagai perempuan simpanan. Dalam keluaran Disember 1898, *al-Ma'lūmāt* juga mengeluarkan artikel mengenai gagasan Pan-Islamisme dan kesatuan 400 juta umat Islam di bawah institusi khilafah. Manakala akhbar *Thamarat al-Funūn* dalam keluaran 23 Januari 1899, membincangkan ketidakadilan terhadap masyarakat Islam di Hindia Timur Belanda. Konsul daulah Turki Uthmaniyah, Kiamil Bey dan Amin Bey diarah memberikan laporan kepada sultan Turki Uthmaniyah mengenai perkara tersebut. Lihat Jan Schmidt, *Through the Legation Window 1876-1926*, hlm. 122-123.

<sup>95</sup>Lihat E. Gobée & C. Adriaanse, *Nasihat-nasihat C. Snouck Hurgronje*, hlm. 1761.

## MUZAKARAH 2018

kalangan masyarakat tempatan. Sebagai reaksi terhadap usaha tersebut, Kamil Bey bertindak memboikot majlis untuk meraikan sambutan pertabalan Queen Wilhelmina sebagai Ratu Belanda yang diadakan di Betawi, bahkan mengecam usaha Sayid Uthman membacakan doa untuk dalam majlis tersebut.<sup>96</sup>

Hubungan yang erat di antara Kiamil Bey dengan pemimpin masyarakat tempatan, mendekatkan mereka dengan daulah Turki Uthmaniyyah. Situasi ini membimbangkan pihak Belanda sekiranya Kiamil Bey menyebarkan propaganda dan hasutan. Bantahan dikemukakan agar Kiamil Bey digantikan dengan pegawai yang lain. Pada mulanya Sultan Abdul Hamid II tidak mengendahkan permintaan Belanda, tetapi akhirnya bersetuju menggantikan Kiamil Bey dengan pegawai yang baru.<sup>97</sup> Perlantikan Amin Bey sebagai Konsul Turki Uthmaniyyah yang baru di Jawa, mendapat kritikan masyarakat tempatan. Perasaan tidak puas hati disuarakan kerana beliau mengambil sikap berdiam diri, tidak meneruskan program yang telah dilaksanakan oleh Kiamil Bey yang dianggap banyak memberikan manfaat kepada umat Islam. Kritikan yang dilontarkan oleh penduduk di Jawa turut dikongsi oleh masyarakat Islam di Singapura. Mereka mengirimkan sepucuk surat kepada Amin Bey dengan berlampirkan keratan akhbar *Bintang Betawi* (no. 188, 18 Ogos 1899), mengandungi artikel yang menyatakan rasa kurang hormat kepada sultan Turki Uthmaniyyah. Perasaan tidak puas hati dikemukakan terhadap akhbar tersebut dan meminta supaya Amin Bey mengambil perhatian terhadap apa yang disuarakan.<sup>98</sup>

<sup>96</sup>Lihat Nico Kaptein, “The Sayyid and the Queen : Sayyid Uthman on Queen Wilhelmina’s Inauguration on the Throne of the Netherlands in 1898”, *Journal of Islamic Studies*, vol. 9, no. 2, 1998, hlm. 171.

<sup>97</sup>Menurut catatan *Chahyah Pulau Pinang*, sejak perlantikan Amin Bey sebarang kesalahan yang dilakukan oleh masyarakat tempatan dibicarakan di hadapan Konsul Turki Uthmaniyyah dan tidak lagi berada di bawah bidang kuasa Belanda. Lihat *Chahaya Pulau Pinang*, 1 Mac 1900, hlm. 2.

<sup>98</sup>*Bintang Timur*, 22 Mac 1900, hlm. 3 dan E. Gobée & C. Adriaanse, *Nasihat-nasihat C. Snouck Hurgronje*, hlm. 1669. Terdapat juga pandangan lain yang memberikan pandangan agak berbeza daripada pandangan akhbar *Bintang Timur*, apabila tidak mengkritik Amin Bey dan beliau merupakan agen kepada gagasan Pan-Islamisme. Lihat Jan Schmidt, *Through The Legation of the Window 1876-1926*, hlm. 110.

## MUZAKARAH 2018

Reaksi masyarakat Melayu terhadap gagasan Pan-Islamisme juga dapat dilihat pada tahun 1892, apabila dua orang pemimpin Melayu di Negeri Sembilan, iaitu Tunku Besar Tampin (Sayid Hamid bin Sayid Shaaban) dan Penghulu Inas (Encik Omar) mengemukakan rayuan kepada Ketua Tentera Laut Turki Uthmaniyah yang singgah di Singapura. Rayuan agar bantuan diberikan kepada masyarakat Melayu yang berhadapan dengan penjajahan British. Kesan daripada permohonan rayuan itu, Penghulu Inas dipecat dari jawatannya dan Tunku Besar Tampin diberikan amaran.<sup>99</sup> Permohonan bantuan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai keyakinan terhadap kemampuan Turki Uthmaniyah untuk membantu mereka.<sup>100</sup>

---

<sup>99</sup>Lihat John M. Gullick, *Malaya*, (London : Ernest Benn Ltd, 1963), hlm. 71, *Malay Society in the Late Nineteenth Century the Beginnings Change*, (Singapura : Oxford University Press, 1989), hlm. 76. Lihat juga <http://www.motivatorpelajar.com/sejarah/ppt>. Selain permohonan bantuan dari Turki Uthmaniyah, berlaku konflik di Sungai Ujong, antara Dato' Bandar Kulop Tunggal dan Dato' Klana, iaitu Sayid Abdul Rahman al-Kadri. Dato' Bandar tidak memberikan sokongan kepada Dato' Klana kerana menerima pengaruh British. Pada tahun 28 Ogos 1874, Dato' Klana menulis surat kepada Sir Andrew Clarke berhubung pembinaan jalan dan pemilihan Mr. Isemonger, seorang majistret di Melaka sebagai residen. Lihat Richard Winstedt, "History of Negeri Sembilan", *JMBRAS*, vol. 12, pt. 3, 1934. hlm. 71. Dato' Bandar menganggap Dato' Klana sebagai boneka kerana menerima pengaruh British. Berikutan konflik tersebut, pasukan British dan Dato' Klana berhadapan dengan penentang mereka dari kalangan penyokong Dato' Bandar. Pasukan Dato' Bandar mengibarkan bendera Turki Uthmaniyah sebagai usaha untuk melawat pasukan Dato' Klana yang mengibarkan bendera Union Jack. Pengibaran bendera ini menunjukkan ciri-ciri Pan-Islamisme yang didukung oleh daulah Turki Uthmaniyah. Lihat Barbara W. Andaya & Leonard Andaya, *A History of Malaysia*, (Hong Kong : Macmillan Press, 1982), hlm. 163.

<sup>100</sup>Tinjauan juga dibuat di sebelah Borneo menunjukkan mesej dan reaksi terhadap gagasan Pan-Islamisme dikesan dalam pemberontakan di wilayah Limbang pada tahun 1884. Sultan Brunei, iaitu Sultan Hashim Jalilul 'Alam Aqamaddin (1885-1906) meminta bantuan daripada Raja Charles Brooke di Sarawak untuk menumpaskan pemberontakan tersebut tetapi ditolak oleh Brooke. Lihat *Sarawak Gazette*, 1 August 1885, hlm. 67-68. Pada tahun 1887, Sultan Brunei menghantar surat kepada Ratu British kerana membantah pengambilan Padas dan Trusan pada tahun 1885 dan 1887. Pihak British kemudiannya mencadangkan agar Brunei menerima perlindungan British untuk mentadbir Limbang. Sultan Hashim menerima cadangan perlindungan British, tetapi menolak penempatan residen di Limbang. Lihat Nicholas Tarling, *Britain, the Brookes and Brunei*, (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1971), hlm. 364-379. Dalam usaha mendapatkan bantuan, Sultan Brunei menghantar surat kepada Sultan Turki Uthmaniyah. Surat tersebut ditulis oleh Sultan Hashim Jalilul 'Alam Aqamaddin (1885-1906) bertarikh 17 Safar 1321H/ 15 Mei 1903 kepada Sultan Abdul Hamid II untuk meminta bantuan terhadap rampasan Limbang oleh Charles Brooke. Lihat Awang Abdul Aziz bin Awang Juned, *Islam di Brunei zaman pemerintahan DYMM Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu 'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei*, (Brunei Darussalam: Asia Printers, 1992), hlm. lvi. Surat yang dihantar oleh baginda adalah berhubung dengan permohonan bantuan daripada sultan Turki Uthmaniyah untuk mendapatkan semula wilayah Limbang. Surat tersebut tidak sempat dipersembahkan kepada Sultan Abdul Hamid II kerana dirampas oleh James Hewett, Residen British dari Singapura yang melawat Brunei. Lihat Awang Hj. Mohd Jamil al-Sufri b. Awang Hj Umar, "Brunei di Tengah-Tengah Nusantara", kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sejarah Brunei, anjuran Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Brunei pada 1989, hlm. 43. Walaupun surat tersebut tidak berjaya disampaikan kepada Sultan Turki Uthmaniyah kerana dirampas oleh Residen British di Singapura, namun usaha memohon bantuan daripada sultan Turki Uthmaniyah yang diiktiraf sebagai pemimpin umat Islam, menunjukkan penerimaan mesej Pan-Islamisme dalam kalangan masyarakat Melayu, termasuklah di Brunei.

## MUZAKARAH 2018

Gagasan Pan-Islamisme ternyata tidak berakhir dengan penggulingan Sultan Abdul Hamid II pada 1908, sama ada dalam daulah Turki Uthmaniyyah maupun di luar daulah tersebut. Secara umumnya, dunia Islam memegang teguh keyakinan bahawa sejak abad ke-16, kepimpinan umat Islam berada di bawah daulah Turki Uthmaniyyah. Keyakinan ini disokong oleh fakta bahawa daulah Turki Uthmaniyyah merupakan kerajaan Islam yang besar dan kuat yang mampu bersaing dengan Kuasa Barat.<sup>101</sup>

Pan-Islamisme memainkan peranan dalam meninggikan imej Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama. Kedutaan British memandang serius kesan penyebaran gagasan Pan-Islamisme dan peranannya ketika berlangsung peperangan.<sup>102</sup> Kebimbangan British tersebut ternyata berasas kerana gagasan Pan-Islamisme masih lagi berperanan selepas berakhirnya Perang Dunia Pertama. Pada 8 Julai 1918, satu perjumpaan diadakan di rumah Syeikh Sayid bin Salim Moshabi di Welterveden, Jawa yang turut dihadiri oleh Sheikh Omar Manquish dan juga Refat Bey, Konsul Turki Uthmaniyyah. Perjumpaan ini diadakan untuk menjalankan propaganda anti-British. Ali bin Awad bin Sunkar diberikan tanggungjawab untuk menjalankan propaganda tersebut. Beliau melawat Pulau Pinang dengan ditemani oleh Sheikh Abdullah bin Salim al-Attas dan Sheikh Taliff. Rombongan tersebut berusaha untuk menubuhkan sebuah sekolah Arab di Pulau Pinang.<sup>103</sup> Pegawai British, R.J Wilkinson pula menyatakan kebimbangannya terhadap

<sup>101</sup>E. Gobée & C. Andriaanse, *Nasihat-nasihat C. Snouck Hurgronje*, hlm. 1841.

<sup>102</sup>Joseph Heller, "Sir Louis Mallet and the Ottoman Empire : The Road to War", *Middle Eastern Studies*, vol. 12, no. 1, 1976, hlm. 14 dan 23 dan C. Van Dijk, "Colonial Fears, 1890-1918 Pan-Islamisme and the Germano Plot", dalam Huub de Jonge & Nico Kaptein, *Transcending Borders Arabs, Politic, Trade and Islam in Southeast Asia*, (Leiden ; KILTV Press, 2002), hlm. 80-81 dan John M. Gullick, *Rulers and Resident*, hlm. 158.

<sup>103</sup>Ali bin Awad bin Sunkar mempunyai hubungan dengan orang-orang Arab di Makkah yang pernah tinggal di Jawa. Masyarakat Arab yang aktif dan menerima pengaruh dengan gerakan Turki Muda, menubuhkan pertubuhan yang dinamakan *Jam'iyyat al-Irshad*. Pihak British menganggap pertubuhan ini sebagai parti politik bagi orang Arab yang anti-British. Pertubuhan ini juga dikatakan mempunyai kecenderungan Pan-Islamisme dan Bolshevisme. Manakala pihak Belanda menganggap *al-Irshad* sebagai pertubuhan yang memperjuangkan kesaksamaan dalam masyarakat Islam. Lihat Khoo Kay Kim, "The Beginnings of Political Extremism", hlm. 111-113.

gagasan Pan-Islamisme yang didapati menerima pengaruh dari Mesir dan seterusnya disebarluaskan menerusi akhbar Melayu.<sup>104</sup>

Di samping reaksi terhadap gagasan Pan-Islamisme, terdapat sebahagian masyarakat Melayu yang dilihat pro-Turki Uthmaniyah. Antara aspek yang yang dapat dikesan ialah pemakaian tarbus yang berwarna merah (fez) dalam kalangan masyarakat Melayu berketurunan Arab di Hindia Timur Belanda. Pemakaian tarbus yang merupakan salah satu daripada busana masyarakat Turki dilihat mempunyai kaitan dengan dengan gagasan Pan-Islamisme yang berpusat di Istanbul.<sup>105</sup> Pada akhir abad ke-19, kebanyakan golongan diraja dan elit Melayu mengenakan pakaian Barat yang dipadankan dengan tarbus Turki. Sultan Abu Bakar mengenakan tarbus berwarna hitam yang dihiasi dengan bintang Johor dan juga bulan sabit, apabila melayani tetamu berbangsa Eropah dalam majlis makan malam. Sultan Selangor, iaitu Sultan Sulaiman mengenakan kain sarung sebagai pelengkap seluar baginda, di samping tarbus ala Turki yang menunjukkan stail terbaru dalam busana Melayu.<sup>106</sup>

Dalam bidang perundangan misalnya, perlaksanaan Majallah al-Ahkam al-Adliyyah di Turki Uthmaniyah pada abad ke-19, dijadikan contoh undang-undang Mal di negeri Johor sejak tahun 1893. Ini dibuktikan dalam pengenalan Majalah Ahkam Johor yang menjelaskan bahawa

<sup>104</sup>R.J Wilkinson dilantik sebagai *Acting Inspector of Schools* di NNS pada tahun 1898. Beliau memberikan sumbangan dalam memperkenalkan sistem ejaan Melayu dan menggalakkan aktiviti percetakan teks Melayu dalam bentuk litograf. Salah satu daripadanya ialah *Hikayat Merong Mahawangsa*. Pada tahun 1916, dilantik sebagai Timbalan Pengarah Pendidikan Melayu. Lihat Hendrik M.J Maier, *In the Centre of Authority*, (New York : Cornell University, 1988), hlm. 119-110 dan 119.

<sup>105</sup>Golongan berketurunan Arab di Hindia Timur Belanda suka memakai tarbus berwarna merah (fez) yang biasa dipakai oleh orang Turki. Perbuatan memakai tarbus ini dilihat mempunyai kaitan dengan gagasan Pan-Islamisme yang didukung oleh Sultan Turki Uthmaniyah selaku Khalifah umat Islam. Lihat Hamid Algadri, *Dutch Policy Against Islam*, hlm. 2. Pada tahun 1826, Sultan Mahmud II banyak melakukan pembaharuan yang mengikut acuan barat termasuklah dalam aspek berpakaian. Walau bagaimanapun, pemakaian tradisi seperti fez dan *jubbe* (kot labuh) dikekalkan. Lihat Seyfettin Ersahin, "Islamic Support on the Westernization Policy in the Ottoman Empire : Making Mahmud II Reformer Caliph-Sultan by Islamic Virtue Tradition", *Journal of Religious Culture*, no. 78, 2005, hlm. 3.

<sup>106</sup>Pembantu Tunku Kudin, kerabat diraja Kedah juga menggunakan tarbus yang tinggi dalam berpakaian. Secara tidak langsung dengan pemakaian 'songkok Turki' menggalakkan orang Melayu, terutamanya golongan pertengahan mengenakan songkok ketika berpakaian. Lihat John M. Gullick, *Malay Society*, hlm. 59 dan 193.

## MUZAKARAH 2018

kandungan kitab tersebut yang terdiri daripada hukum-hukum fiqh yang berdasarkan syariat Islam dan akan digunakan di Johor. Majalah Ahkam diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu yang diambil dari teks asalnya yang berbahasa Arab.<sup>107</sup>

### Kesimpulan

Hubungan dan pengaruh masyarakat Melayu dengan Timur Tengah, khususnya daulah Turki Uthmaniyah telah wujud sejak awal lagi. Proses kedatangan dan penyebaran Islam ke atas masyarakat Melayu berkait rapat dengan rantau tersebut. Di samping Timur Tengah, Turki Uthmaniyah turut menjadi tumpuan masyarakat Melayu. Mereka memandang tinggi dan memberikan pengiktirafan kepada Turki Uthmaniyah yang dilihat sebagai pemimpin umat Islam. Gagasan Pan-Islamisme yang didukung oleh daulah tersebut juga memberikan pengaruh ke atas masyarakat Melayu dalam menanamkan semangat penentangan terhadap penjajahan British. Kecenderungan masyarakat Melayu terhadap Turki Uthmaniyah adalah berpaksikan daripada penghargaan dan penyanjungan yang diberikan kepada kerajaan tersebut. Jelasnya di sini, Turki Uthmaniyah mempunyai pengaruh mereka tersendiri dalam masyarakat Melayu.

**Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman**

**Prof Madya Dr. Ermy Azziaty Rozali**

---

<sup>107</sup>Lihat *Majalah Ahkam Johor* iaitu *Perhimpunan Segala Hukum-hukum Fiqh yang diterbitkan daripada Syariat Islam*, (Muar : Matbaah al-Khairiyah 1331H), Bahagian Pengenalan, Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor. Untuk melihat perbincangan mengenai perlaksanaan Majalah Ahkam al-Adliyyah di Johor.

## **PROF. DATO' DR. MOHAMMAD REDZUAN OTHMAN**

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan dilahirkan pada 14 Mac 1955 di Padang Rengas, Perak dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Padang Asam, di Sekolah Menengah Tun Perak, Padang Rengas dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Aliran Sains di Sekolah Menengah Clifford, Kuala Kangsar. Pada tahun 1978 melanjutkan pengajian di Universiti Malaya dengan membuat pengkhususan dalam bidang Sejarah. Pada tahun 1984 menyertai Jabatan Sejarah sebagai tutor dan pada tahun 1985 melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana (MA) di School of Oriental and African Studies, University of London, United Kingdom dengan pengkhususan dalam bidang Sejarah dan Politik Timur Tengah. Pada tahun 1991 melanjutkan pengajian di University of Edinburgh, United Kingdom dan memperoleh ijazah Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 1994.

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan dilantik menjadi pensyarah di Jabatan Sejarah pada tahun 1987, seterusnya dilantik ke jawatan Profesor Madya pada tahun 1995 dan jawatan Profesor pada tahun 2005. Pada tahun 2001 - 2004 dilantik menjadi Timbalan Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial dan Ketua Jabatan Sejarah pada tahun 2005-2006. Seterusnya, dilantik semula menjadi Timbalan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial pada 1 September 2006 hingga 31 Ogos 2007. Pada tahun 2002 turut dilantik sebagai Penyelaras Program Sarjana (MA) Pengajian Peradaban, Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman sepanjang berkhidmat sebagai pensyarah telah mengajar kursus-kursus di peringkat ijazah sarjana muda yang terdiri daripada Pengantar Sejarah Tamadun Di Asia Zaman Awal (Tamadun Asia Barat), Tamadun Islam dan Tamadun Asia

## MUZAKARAH 2018

(TITAS), Islam dan Masyarakat di Malaysia, Sejarah dan Politik Timur Tengah, 1840-1919 serta Islam dan Politik Di Asia Barat. Di peringkat ijazah sarjana (MA) pula mengajar kursus yang terdiri daripada Agama, Budaya dan Masyarakat Di Asia Tenggara, Sejarah Peradaban Islam, Teori dan Kaedah Pengajian Peradaban dan Peradaban Islam Kontemporari. Turut mengajar kursus di peringkat Diploma bagi pelajar dari Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT). Dari tahun 2004 – 2012 merupakan pensyarah pelawat University of Cairo, Kaherah, Mesir dengan mengajar kursus di peringkat sijil yang terdiri daripada Malaysian History and Culture dan Malaysia Politics and Government.

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan juga terlibat aktif dalam penyeliaan dan telah berjaya menghasilkan 24 calon ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang telah bergraduat dengan sembilan daripada mereka menerima ijazah masing-masing dalam Konvokesyen 2014 yang baru berlalu. Selain itu juga telah menghasilkan seramai 28 calon ijazah Sarjana (MA) yang telah bergraduat. Buat masa ini masih menyelia 12 calon ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan tiga calon ijazah Sarjana (MA). Calon pascasiswa yang sudah bergraduat yang pernah berada di bawah penyelian merangkumi mereka yang datang daripada pelbagai negara, termasuklah dari Algeria, Iran, Yemen, Palestin, Oman, Mali dan Indonesia, selain calon yang datang daripada pelbagai institusi di Malaysia.

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan dilantik sebagai Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya bermula pada 1 April 2009 dan berakhir hingga 30 Jun 2014 (selama lima tahun tiga bulan). Pelantikan sebagai Dekan adalah melalui proses pemilihan umum yang dimenangi sepanjang tempoh memegang jawatan. Pada bulan Januari 2009 hingga Ogos 2010

## MUZAKARAH 2018

dilantik menjadi Dekan Kluster Penyelidikan Kemanusiaan dan Etika (Humanities and Ethics), IPPP Universiti Malaya yang pertama. Pada 1 Mei 2010 hingga 31 Mac 2014 diamanahkan menjadi Pengarah dan merupakan juga pengasas, University Malaya Centre For Democracy and Election (UMcedeI).

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan merupakan penulis dan ketua editor kepada penerbitan lebih dua puluh buah buku yang berkaitan dengan bidang kepakarannya. Ini termasuklah buku-buku yang terdiri daripada, Sekularisme Dan Proses Demokrasi Di Turki. Pemerksaan Islam dan Peranan Erdogan (2014), Malaysia Indonesia Romantika Hubungan Bangsa Serumpun (2013), Pilihan Raya Kecil Bukit Gantang 2009 (2013), Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu (2011), Permatang Pauh Pilihan Raya Kecil Ogos 2008 (2009), Setengah Abad Hubungan Malaysia-Indonesia (2009), Mencari Makna Di Sebalik Krisis Di Lebanon Dan Palestin (2007), Islam dan Masyarakat Melayu, Peranan Pengaruh Timur Tengah (2005), Islam dan Politik di Turki (2005), Sejarah Pembinaan Negara Bangsa, Jendela Masa: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Prof. Dr. Khoo Kay Kim, The Malays in the Middle East. With Bibliography of Malay Printed Works Published in the Middle East (2000) dan lain-lain.

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan telah menerbitkan lebih empat puluh judul sebagai bab dalam buku yang antara lain, “Kesarjanaan dalam Penulisan HAMKA Tentang Pengislaman di Alam Melayu”, dalam Sufian Mansor et.al (editor) Sejarah Dan Kesarjanaan. (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2014), “The Origins and Contributions of Early Arabs in Malaya”, dalam Eric Tagliacozzo (ed.), Southeast Asia and the Middle East: Islam, Movement and the Longue Duree, (Singapore: NUS Press, 2009), “Conflicting Political Loyalties of the

## MUZAKARAH 2018

Arabs in Malaya Before World War II”, dalam Huub de Jonge and Nico Kaptein (eds), Transcending Borders. Arabs, Politics, Trades and Islam in Southeast Asia (Leiden: KITLV Press, 2002), “Hadhramis in the Politics and Administration of the Malay States in the Late Eighteenth and Nineteenth Centuries”, dalam U. Freitag & W. G. Clarence-Smith, Hadrami Traders, Scholars, and Statemen in the Indian Ocean 1950s-1960 (Leiden: E.J. Brill, 1997), “Malay, Islam and the Middle East Before World War Two: A Critical Analysis on the Historical Sources”, dalam Danny Wong Tze Ken et al. (eds), Sejarah: Sumber dan Pendekatan (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), ”The Parliamentary By-Election and the Shaping of Malaysian Political Landscape After the 12th General Election”, dalam Hassan Basri and Hoda Mitkees, Malaysian in Global Perspectives (Cairo: Department of Malaysian Studies, Cairo University, 2010) dan lain-lain.

Prof. Dato’ Dr. Mohammad Redzuan juga telah menerbitkan lebih lima puluh artikel dalam jurnal antarabangsa dan jurnal dalam negeri umpamanya, ”Egyptian Influences on Malaya’s Muslim Kaum Muda (Young Faction) Before the Second World War”, Al-Shajarah, Journal Of the International Institute Of Islamic Thought And Civilization (ISTAC). 2013, Vol.18. No.1, ”Salafiyyah in Malaysia”, Oxford Islamic Studies Online, 2012, “Malay Perceptions of the Supremacy of the Turks Before the Demise of the Ottoman Empire”, Malaysia in History, Vol. 29, 2005, “Egypt Religious and Intellectual Influence on Malay Society”, Katha, Centre of Civilisational Dialogue, Vol. 1, No. 1, 2005, “The Role of Makka-Educated Malays in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malaya”, Journal of Islamic Studies, (Oxford), Vol. 9, No. 2, 1998 dan “In Search of an Islamic Leader: Malay Perceptions of Ibn Saud’s Triumph and the Domination of the Wahhabis in Saudi Arabia”, Hamdard Islamicus,

## MUZAKARAH 2018

(Quarterly Journal of Studies and Research in Islam) Vol. XXX, No. 1, January - March 2007,  
"Pendekatan Islam Hadhari dan Pilihan Raya Umum Ke-12", Sejarah, No. 16, 2008 dan lain-lain.

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan selain menerbitkan artikel, turut merupakan juga ketua editor kepada jurnal Sejarah (Jurnal Jabatan Sejarah) dan jurnal Demokrasi dan Pilihan Raya (Jurnal Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya) serta pernah menjadi editor Sarjana (Jurnal Fakulti Sastera dan Sains Sosial). Selain itu, turut dilantik menjadi pewasit kepada pelbagai jurnal di peringkat tempatan dan antarabangsa, umpamanya Oxford Jounal of Islamic Studies, Shajarah, Jurnal Usuluddin, Malaysia in History dan lain-lain.

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan aktif dalam melakukan penyelidikan dengan menerima pelbagai geran penyelidikan dan geran perundingan. Selain menerima geran penyelidikan dari Universiti Malaya (UMRG), pernah menerima Geran Science Fund (MOSTI) dan Geran FRGS (KPT). Selain ini, geran perundingan juga pernah di terima dari TV ASTRO bagi membuat Kajian Pilihan Raya Umum Ke-13 di Malaysia dan dari Bank Negara Malaysia bagi Kajian Tentang Sejarah Kewangan Islam di Malaysia.

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan giat memberikan sumbangan kepada dunia akademik dan intelektual melalui pembentangan kertas kerja yang dilakukan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Di peringkat antarabangsa pernah membentangkan kertas kerja di London, Amsterdam,

## MUZAKARAH 2018

Medan, Yokjakarta, Surabaya, Pekanbaru, Jeddah, Kaherah, Dhaka, Tashkent, Singapura, Beijing, Los Angeles, Istanbul, Hiroshima dan Amman. Secara keseluruhannya telah membentangkan lebih seratus lima puluh buah kertas kerja, selain turut mengambil bahagian dalam lebih serratus penglibatan akademik yang lain, merangkumi peranan sebagai ahli penal, moderator, pembentang dan sebagainya.

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan turut menganggotai pelbagai badan dan jawatan kuasa khidmat nasihat di dalam di luar universiti. Ini termasuklah menjadi Ahli Jawatankuasa Penilaian Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Kementerian Pengajian Tinggi, Ahli Jawatankuasa Penilai Pusat Kecemerlangan (COE) Berpotensi KPT Bagi Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA - UKM), Ahli Jawatan Kuasa Sains Politik dan Hubungan Antarabangsa IKIM, Ahli Lembaga Pengurusan Akademi Kajian Ketamadunan, Jawatan Kuasa Khas Kolej Islam Darul Ridzuan, Ahli Lembaga Pengajian Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dan lain-lain.

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan juga merupakan Ahli Lembaga Penasihat Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya. Pelantikan menganggotai jawatan kuasa yang lain, termasuklah sebagai Pengerusi, Jawatankuasa Penapisan Calon Staf Akademik (JPCSA) Bertaraf Pensyarah, Pengerusi Anugerah Cemerlang Universiti Malaya (Kategori Buku), Ahli Jawatan Kuasa Peningkatan Kecemerlangan Staf Akademik (JPKSA), Ahli Jawatan Kuasa Induk Think Tank, Wakil Senat Ke Jawatan Kuasa Pemeriksa Untuk Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam dan Pusat Sukan, Ahli Lembaga Akademi Pengajian Melayu dan lain-lain

## MUZAKARAH 2018

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan aktif menyampaikan ceramah dan syarahan, termasuklah yang dianjurkan oleh Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MTAT), Maktab Pegawai Angkatan Tentera (MPAT), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), institusi pengajian tinggi dan sebagainya yang berkaitan dengan sejarah dan politik Timur Tengah. Bertepatan dengan bidang kepakarannya, pelbagai stesen radio dan televisyen seperti TV3, RTM1, NTV7, TV9, ASTRO Awani, Radio Singapore International, Islamic Republic of Iran Broadcasting (IRIB) dan IKIM.fm telah mengundangnya memberi pandangan dalam lebih dua ratus kali penampilan. Selain itu, tulisan dan wawancara yang berkaitan dengan perkembangan politik di Timur Tengah dan perkembangan politik negara sering disiarkan oleh pelbagai akhbar dan majalah tempatan.

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan sejak dilantik menjadi Prof Madya (1995) dan Profesor (2005) telah dianugerahkan dengan pelbagai anugerah sebagai pengiktirafan kepada kecemerlangan yang dicapai dan sumbangan yang diberikan. Ini termasuklah:

1. Penerima Anugerah / Sijil Perkhidmatan cemerlang Universiti Malaya selama tiga belas tahun berturut-turut, sejak tahun 2001 hingga 2013.
2. Penerima Anugerah Dekan sebagai Pensyarah Cemerlang 2005, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
3. Penerima Anugerah Judul Buku Terlaris 2006 oleh Penerbit Universiti Malaya bagi buku berjudul Islam dan Masyarakat Melayu, Peranan Pengaruh Timur Tengah (2005).
4. Pemenang Pertama Pingat Emas PECIPTA 2009, Ekspos Penyelidikan Anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), bagi kategori Sains Sosial.

## **MUZAKARAH 2018**

5. Penerima Geran Penyelidikan Terbaik FRGS 2011 bagi kategori Sastera dan Sastera Ikhtisad serta dianugerahkan Geran Penyelidikan Tambahan sebanyak RM200,000.00.
6. Penerima Anugerah Cemerlang Universiti Malaya bagi kategori Pentadbir PTj Akademik Terbaik 2012.
7. Penerima Sijil Penghargaan Atas Sumbangan dan Khidmat Bakti Sebagai Penyelia Cemerlang, Tahun 2014. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan telah dianugerahi Darjah Kebesaran Mahkota Pahang, Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato' oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 27 Oktober 2010.

# BIODATA



- i) NAMA PENUH: Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman.
- (ii) NO. KAD PENGENALAN: 550314-08-6035 (4752374).
- (iii) JABATAN: Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- (iv) TARIKH LANTIKAN: Tutor - 16.07.1984  
Pensyarah - 14.01.1987  
Prof. Madya - 19.12.1995  
Profesor - 28.12.2005
- (v) BIDANG PENGKHUSUSAN: Sejarah dan Politik Timur Tengah.  
Sejarah Pemikiran dan Tamadun Islam.  
Politik dan Pilihan Raya di Malaysia
- (viii) PERHUBUNGAN:  
Tel: 03-79675558 (P)  
019-2660475 (Tel/Bimbit)  
Emel: mredzuan@um.edu.my  
redz8182@gmail.com
- (x) ALAMAT RUMAH DAN SURAT-MENYURAT: Lot 32879, Persiaran Anggerik 3, Taman Anggerik, Sungai Ramal Dalam, 43000 Kajang, Selangor D.E.

## KELAYAKAN AKADEMIK

| Ijazah          | Kelulusan                          | Tarikh     | Universiti/Institusi  |
|-----------------|------------------------------------|------------|---|
| Sarjana Muda    | B.A. (Hons) Kelas Dua Tinggi       | 20.06.1981 | Universiti Malaya, Kuala Lumpur   |
| Sarjana         | M.A. In Area Studies (Middle East) | 14.01.1987 | School of Oriental and African Studies (SOAS)<br><br>University of London, United Kingdom |
| Doktor Falsafah | PhD                                | 16.12.1994 | University of Edinburgh, United Kingdom   |